



اوجون يعامت برحمة منتري بسرقشع
UCAPAN YAB MENTERI BESAR PAHANG

BELANJAWAN 2022

بلنجاون 2022

PAHANG DARUL MAKMUR



UCAPAN BELANJAWAN TAHUN 2022
YAB MENTERI BESAR PAHANG

**ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah inayah-Nya kita dapat hadir ke Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang Yang Ke-14 bermula pada 6 Disember 2021. Pada sidang kali ini, Insya-Allah, saya akan membentangkan Belanjawan Negeri Pahang Darul Makmur 2022 yang bertemakan **Kemakmuran Negeri, Manfaat Bersama, Rakyat Sejahtera.**

2. Terlebih dahulu saya mengucap syukur ke hadrat Allah S.W.T dan menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Pemangku Raja Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

PERUNTUKAN KERAJAAN PUSAT

3. Dalam Belanjawan Tahun 2022, Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sejumlah **322.1 bilion ringgit**, di mana **233.5 bilion ringgit** adalah untuk Perbelanjaan Mengurus sementara **75.6 bilion ringgit** adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan serta peruntukan **23 bilion ringgit** untuk Kumpulan Wang COVID-19. Manakala peruntukan untuk Simpanan Luar Jangka berjumlah **2 bilion ringgit**. Tahniah diucapkan kepada Kerajaan Pusat kerana dapat menyediakan belanjawan untuk kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

4. Tahun 2022 bakal menjadi tahun pemulihan ekonomi selepas teruk dibadi pandemik COVID-19. Ekonomi Negeri Pahang diunjur pulih secara beransur-ansur pada tahun 2022 dengan mempergiatkan aktiviti pelancongan domestik dan perhotelan, pertanian, perladangan, perlombongan serta keseimbangan pertumbuhan sektor perindustrian.
5. Kerajaan Negeri juga akan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan pembangunan infrastruktur yang berterusan dengan memberi penekanan kepada kemudahan untuk menjalankan perniagaan.
6. Pembentangan Belanjawan Tahun 2022 ini juga bertujuan mempercepatkan pemulihan ekonomi negeri serta membantu golongan terkesan dengan pandemik ini daripada pelbagai aspek sama ada dari segi program atau bantuan secara langsung kepada keluarga, individu dan perniagaan.
7. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri Pahang telah berkongsi hasil-hasil yang telah diperolehi dengan rakyat di negeri ini melalui pengagihan secara bersasar mengikut kemampuan kewangan kita.
8. Oleh yang demikian, marilah kita berdoa supaya cabaran ini dapat diatasi bersama-sama dengan kerjasama dan sokongan semua rakyat Negeri Pahang kepada pentadbiran kerajaan pada hari ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

STRATEGI MENINGKATKAN HASIL KERAJAAN NEGERI

9. Dalam usaha untuk meningkatkan hasil, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa strategi baharu selain daripada hasil yang biasa kita terima setiap tahun. Antara strategi yang dilihat mampu menjana pendapatan hasil yang lumayan, adalah dengan mentransformasikan sektor pelancongan negeri ke arah yang lebih mantap. Negeri Pahang yang dikurniakan tempat-tempat pelancongan berkonseptual semulajadi seperti pantai, pulau, hutan, gua dan kawasan peranginan tinggi bukan sahaja dapat menghasilkan pulangan yang baik, malah dapat dijadikan sebagai alternatif daripada kebergantungan kepada hasil sumber alam seperti sebelum ini.
10. Selain itu, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk melihat beberapa perkara melibatkan penggunaan utiliti di Negeri Pahang ini yang boleh memberikan hasil tambahan. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri akan melihat semula pelaksanaan projek hidroelektrik Ulu Jelai yang melibatkan bayaran terhadap laluan talian, kawasan takungan, kawasan tadahan, empangan, royalti air dan juga ganti rugi balak. Bayaran laluan talian dan menara TNB di seluruh Negeri Pahang juga akan dituntut daripada pihak yang berkenaan. Bagi infrastruktur telekomunikasi, Kerajaan Negeri akan mengenal pasti pemilik struktur telekomunikasi yang terlibat dan akan mengenakan caj sewaan tahunan.
11. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti ketirisan hasil yang melibatkan tanah-tanah di bawah tanah rancangan FELDA. Bagi menangani ketirisan tersebut, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meluluskan secara dasar pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara bagi

tujuan pertanian kepada FELDA dalam kawasan FELDA. Sehingga kini Pentadbiran Tanah Pahang telah menerima 1,788 permohonan daripada pihak FELDA, dan sebanyak 685 permohonan telah diluluskan melibatkan tuntutan premium dan denda premium sebanyak **86 juta ringgit**. Kerajaan juga sedang mengambil tindakan yang sama bagi menuntut hasil negeri bagi tanah-tanah yang dimajukan oleh koperasi-koperasi FELDA dan kawasan FELDA.

12. Kerajaan Negeri juga melihat terdapat keperluan untuk mengkaji semula beberapa perundangan serta perjanjian-perjanjian lama yang tidak menguntungkan Kerajaan Negeri. Antaranya adalah seperti Enakmen Taman Negara (Pahang) 1939 yang masih mengekalkan caj masuk ke Taman Negara sebanyak **1 ringgit** sejak tahun 1939. Bagi meningkatkan hasil hutan perjanjian lama bagi projek-projek Ladang Hutan akan disemak semula, termasuklah menguatkuasakan arahan penanaman semula kepada operator.

HASIL-HASIL BARU NEGERI PAHANG TAHUN 2022

13. Untuk hasil-hasil baru pada tahun 2022, Kerajaan Negeri akan mula mengenakan Cukai Kelestarian ke atas penginap hotel di Negeri Pahang. Kadar cukai **3 ringgit** dikenakan kepada penginap hotel bagi satu malam. Tahun 2022 ini diunjurkan Kerajaan Negeri menerima hasil sebanyak **21 juta ringgit**.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

KEDUDUKAN KEWANGAN SEMASA TAHUN 2021

14. Walaupun kita sekarang sedang bergelut dengan pandemik COVID-19, saya amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kedudukan kewangan negeri terus berada dalam keadaan yang baik.
15. Sehingga **6 Disember 2021**, Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip **hasil** sebanyak **812.41 juta ringgit** berbanding sasaran yang ditetapkan sebanyak **800.80 juta ringgit** iaitu pencapaian sebanyak **101.44 peratus**.
16. Ini adalah pencapaian yang sangat membanggakan dan seterusnya menepis dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri tidak kukuh.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

ANGGARAN BELANJAWAN TERIMAAN HASIL, PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN TAHUN 2022

17. Kerajaan Negeri mensasarkan kutipan hasil tahun 2022 sebanyak **1.036 bilion ringgit** iaitu peningkatan sebanyak **236 juta ringgit** atau **29.4 peratus** berbanding anggaran tahun 2021. Kutipan hasil tahun 2022 dijangka diperolehi daripada hasil tanah sebanyak **643.71 juta ringgit**; hasil perhutanan sebanyak **150.10 juta ringgit**; hasil air sebanyak **19.41 juta ringgit**; geran Kerajaan Pusat sebanyak **101.05 juta ringgit**; dan lain-lain hasil sebanyak **122.09 juta ringgit**. Kutipan hasil negeri dijangka akan mengalami peningkatan melalui pelaksanaan yang

lebih bersepada bagi kutipan cukai, premium dan hasil tanah. Walau bagaimanapun, bagi jumlah sebenar adalah bergantung kepada prestasi kutipan hasil dan perbelanjaan pada tahun 2022.

18. Demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat, Belanjawan Tahun 2022 akan menyediakan peruntukan berjumlah **1.031 bilion ringgit** bagi **Perbelanjaan Mengurus** yang merangkumi perbelanjaan Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, Perbelanjaan Lain dan Aset. Anggaran Perbelanjaan Mengurus untuk tahun 2022 telah **meningkat** sebanyak **235.57 juta ringgit** atau **29.61 peratus** berbanding tahun 2021.
19. **Oleh yang demikian, Anggaran Belanjawan Tahun 2022 menunjukkan LEBIHAN (SURPLUS) sebanyak 5.79 juta ringgit.**
20. Manakala bagi **Perbelanjaan Pembangunan**, peruntukan adalah sebanyak **323.26 juta ringgit**. Ia akan melibatkan projek infrastruktur sejumlah **171.98 juta ringgit** dengan pembiayaan cara langsung, manakala **151.28 juta ringgit** adalah daripada pinjaman bagi membiayai Projek Bekalan Air. Projek ini akan menyumbang sebanyak **46.80** peratus daripada keseluruhan peruntukan projek pembangunan. Ini menunjukkan komitmen yang tinggi oleh Kerajaan Negeri dalam memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat dari segi bekalan air.
21. Secara keseluruhan, anggaran Perbelanjaan Pembangunan untuk tahun 2022 telah **meningkat** sebanyak **121.35 juta ringgit** atau **60.10 peratus** berbanding tahun 2021.
22. Belanjawan Tahun 2022 ini adalah belanjawan yang telah mengambil kira semua aspek dalam pemulihan pasca COVID-19. Belanjawan Tahun 2022

turut memberi tumpuan kepada keselesaan dan **kesejahteraan rakyat melalui peningkatan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan.**

23. Kerajaan Negeri Pahang telah dan akan sentiasa memastikan kesejahteraan rakyat sebagai matlamat utama dalam pentadbiran hari ini. Tumpuan Kerajaan Negeri Pahang pada masa ini adalah meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri secara holistik dan juga memberi keutamaan kepada rakyat supaya dapat meneruskan kelangsungan kehidupan mereka setelah negara dilanda COVID-19 ini. Oleh yang demikian, Belanjawan Tahun 2022 memberi fokus kepada **lima (5) strategi utama:**

24. **Pertama** : Memenuhi Keperluan Asas Rakyat
Kedua : Melengkapkan Kemudahan Asas Rakyat
Ketiga : Mensejahterakan Kehidupan dan Pembangunan Sosial Ekonomi
Keempat : Pelan Pemulihan Pasca COVID-19 Melonjak Ekonomi Negeri
Kelima : Pemantapan Pentadbiran

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

STRATEGI PERTAMA: MEMENUHI KEPERLUAN ASAS RAKYAT

PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN RAKYAT

25. Rumah merupakan keperluan asas yang sangat mustahak bagi individu sebagai tempat berlindung. Semestinya setiap individu di dalam negeri ini berhasrat untuk memiliki sebuah kediaman yang selamat dan selesa. Namun, atas beberapa faktor, sudah semestinya ada di antara mereka terutama dari golongan miskin tegar dan miskin, malah yang

berpendapatan rendah dan sederhana, **menganggap memiliki rumah kediaman adalah sesuatu yang mustahil untuk dijadikan realiti.**

26. Kerajaan Negeri Pahang amat prihatin terhadap keperluan golongan miskin tegar, miskin serta golongan berpendapatan rendah dan sederhana bagi memiliki rumah yang selesa dan selamat untuk didiami. Malah, hasil maklum balas daripada portal e-belanjawan yang telah dibuka pada awal bulan November lalu, adalah didapati begitu ramai rakyat Pahang menyuarakan hasrat dan keinginan supaya Kerajaan Negeri dapat melakukan sesuatu dalam belanjawan kali ini.
27. Untuk itu, **Kerajaan Negeri komited dan bersedia untuk membantu golongan ini, dengan menawarkan pelbagai skim dan bantuan perumahan, agar memastikan impian mereka menjadi realiti.**

PELAKSANAAN PROJEK RUMAH RAKYAT PAHANG (RRP)

28. Bagi kumpulan miskin tegar, yang mana kumpulan ini sememangnya tidak mempunyai kemampuan untuk memiliki rumah kediaman, Kerajaan Negeri Pahang telah melancarkan Projek Rumah Rakyat Pahang (RRP). Penerima Projek RRP ini terdiri daripada mereka yang miskin atau miskin tegar yang tersenarai dalam senarai e-Kasih dan tidak memiliki rumah, atau rumah yang didiami terlalu uzur untuk dibaiki.
29. Projek RRP adalah **program pemberian rumah secara percuma** kepada rakyat yang layak. Kerajaan Negeri Pahang adalah satu-satunya Kerajaan Negeri yang menyediakan rumah secara percuma kepada rakyat yang memerlukan.

30. Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan bagi pembinaan 102 unit RRP bagi Fasa 1 dan 104 unit bagi Fasa 2. Jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan bagi RRP tahun 2021 adalah sebanyak **13.47 juta ringgit**.
31. Bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri terus komited untuk memperkasakan usaha ini. Memandangkan kos pembinaan meningkat akibat pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri Pahang telah bersetuju untuk menaikkan peruntukan pembinaan rumah daripada **65 ribu ringgit** sebelum ini kepada **75 ribu ringgit**. Walau bagaimanapun, pertambahan kos ini tidak sesekali bermaksud kerajaan akan mengurangkan bilangan peruntukan RRP.
32. Malah, pada tahun 2022, **Kerajaan Negeri bersedia menambah jumlah bilangan rumah daripada empat (4) buah kepada enam (6) buah rumah setiap kawasan DUN** dengan jumlah sebanyak **266 unit** dengan peruntukan berjumlah **19.95 juta ringgit**.

PELAKSANAAN PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA (PR1MA) NEGERI PAHANG

33. Bagi **kategori rakyat berpendapatan sederhana rendah dan sederhana**, Kerajaan Negeri terus komited untuk melaksanakan Projek PR1MA Pahang. Sehingga tahun 2021, sebanyak **124 projek PR1MA Pahang** dengan bilangan unit sebanyak **39,679 unit** telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada pemaju swasta di seluruh Negeri Pahang dan diteruskan pelaksanaan pembinaan pada tahun 2022.

PELAKSANAAN RUMAH MAKMUR PAHANG

34. Sebagai penambahbaikan kepada projek PR1MA Pahang sedia ada, Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek Rumah MAKMUR bagi memenuhi keperluan golongan sasaran yang berpendapatan sederhana rendah. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah meluluskan **22 projek** dengan jumlah rumah yang bakal dibina sebanyak **6,165 unit rumah**.

35. Rumah MAKMUR ini diharap dapat memberikan lebih peluang kepada golongan berpendapatan **5 ribu ringgit** dan ke bawah satu isi rumah untuk memiliki kediaman yang selesa untuk didiami. Pada tahun 2021 juga, sebanyak **tiga (3)** projek dengan **722 unit** rumah telah memulakan kerja di tapak iaitu di Kuantan, Maran dan Lipis. Di samping itu, sebanyak **30 unit** Rumah MAKMUR di Lipis dijangka akan dapat disiapkan pada tahun 2022.

PELAKSANAAN PROJEK SKIM TANAH WARISAN (STW)

36. Kerajaan Negeri tidak pernah ketandusan idea dalam membantu rakyat berpendapatan rendah untuk memiliki rumah kediaman yang selesa. Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan **skim pemilikan tapak rumah yang mempunyai infrastruktur asas seperti jalan, air dan elektrik. Skim ini dinamakan sebagai Skim Tanah Warisan (STW)**.

37. Skim ini adalah hasil dari cetusan idea menggabungkan pembangunan Rancangan Tanah Kelompok (RTK) dan pemajuan projek perumahan oleh pemaju swasta. Projek STW yang pertama diluluskan Kerajaan Negeri adalah di Kuala Medang, Lipis. Bagi projek ini, Kerajaan Negeri akan memberikan hakmilik tanah berkeluasan antara 8 ribu sehingga 10 ribu

kaki persegi bagi tujuan pembinaan rumah oleh peserta yang terpilih dengan dikenakan bayaran premium berjumlah **10 ribu ringgit** sahaja.

38. Pembinaan infrastruktur pula akan dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik dengan kos pembangunan dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Bagi maksud pembiayaan untuk membina rumah kediaman, peserta dibenarkan untuk mencagarkan tanah yang diberimilik oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan mendapatkan pinjaman bank. Peserta juga dikenakan moratorium sekatan pindahmilik tanah selama 10 tahun.
39. STW ini akan diperluaskan ke seluruh Negeri Pahang dengan pelaksanaan sekurang-kurangnya **satu (1) projek di setiap daerah**. Perancangan bagi tahun 2022 adalah di **enam (6) daerah** iaitu **Raub, Temerloh, Rompin, Jerantut, Bera dan Maran** dan seterusnya akan dikembangkan lagi ke daerah lain di Negeri Pahang.
40. Sebagai permulaan pada tahun 2022, Kerajaan Negeri memperuntukkan **15 juta ringgit** bagi fasa pertama projek yang akan bermula di Kuala Medang, Lipis. Projek ini disasarkan akan memberi manfaat kepada **250 orang penerima**.

PEMBANGUNAN SEMULA 1,200 UNIT RUMAH PAKR SG. PANDAN, KUANTAN

41. Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Sungai Pandan, Kuantan adalah satu projek yang melibatkan pembangunan **2,000 unit** rumah PAKR. Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya pembangunan semula baki **1,200 unit** PAKR Sg. Pandan ini akan dilaksanakan pada tahun 2022. Pembangunan semula ini akan berkonsepkan pembangunan berstrata bagi mengatasi isu banjir yang pernah dialami di lokasi tersebut.

42. Kerajaan Negeri akan meneliti cadangan daripada pemaju atau kontraktor yang berminat untuk dipertimbangkan daripada aspek konsep pembangunan, kos dan lain-lain. Pembangunan semula PAKR Sg. Pandan ini dijangka akan dapat memanfaatkan lebih ramai isi rumah berpendapatan rendah atau B40 terutamanya di Daerah Kuantan dalam memilki rumah sendiri.

PEMBERIMILIKAN DAN PENYELENGGARAAN PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH (PAKR)

43. Kerajaan Negeri terus komited dalam memastikan golongan berpendapatan rendah yang mendiami Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) terus terbela. **Bagi penghuni PAKR yang telah menjelaskan keseluruhan bayaran ansuran unit masing-masing, mereka akan diberi pemilikan unit-unit PAKR tersebut.** Sebanyak **448 hakmilik** akan dikeluarkan pada tahun 2022.
44. Di samping pemberimilikan unit-unit PAKR, Kerajaan Negeri turut memberikan perhatian yang serius terhadap aspek keselamatan dan keselesaan semua penghuni PAKR di Negeri Pahang. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah **1.66 juta ringgit** untuk tahun 2022 bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan untuk semua PAKR antaranya PAKR Sg. Pandan, Kuantan, Projek Perumahan Rakyat Disewa (PPRS) Rumah Pangsa Pak Mahat, Tg. Lumpur, Kuantan dan PAKR-PAKR lain di seluruh negeri.
45. Bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri meluluskan tambahan peruntukan sebanyak **400 ribu ringgit** lagi bagi kerja-kerja penyelenggaraan PPRS Rumah Pangsa Pak Mahat, Tg. Lumpur, Kuantan bagi meningkatkan kekerapan kerja-kerja penyelenggaraan. **Antara kerja-kerja**

penyelenggaraan Perumahan Awam Kos Rendah adalah seperti penyelenggaraan lif, penggantian tangki air bumbung, pembaikpulihan saluran kumbahan dan sebagainya.

PENAWARAN PROJEK PERUMAHAN RAKYAT DIMILIKI (PPRM)

46. Tambahan kepada insentif pengeluaran hakmilik untuk Perumahan Awam Kos Rendah untuk golongan berpendapatan rendah atau B40, bagi tahun 2022 Kerajaan Negeri akan membuat penawaran sebanyak **300 unit** rumah di **tiga (3)** Projek Perumahan Rakyat Dimiliki (PPRM). Antara projek yang akan ditawarkan kepada rakyat adalah Projek PPRM Inderapura Kuantan, Projek PPRM Pulau Manis Kuantan, dan Projek PPRM Luit Maran yang mana setiap satunya terdiri daripada **100 unit rumah** kos rendah. Penawaran unit-unit rumah PPRM ini akan dapat meringankan beban rakyat daripada aspek pembayaran sewa dan membolehkan penerima PPRM memiliki aset kekal sendiri sebagai satu jaminan kelangsungan hidup.

PELAKSANAAN RUMAH PENJAWAT AWAM PAHANG (RPAP)

47. Menyedari kepentingan penjawat awam sebagai pemangkin pembangunan negeri, Kerajaan Negeri turut mengambil berat mengenai hal ehwal kebajikan semua penjawat awam yang berkhidmat di Negeri Pahang daripada aspek keperluan perumahan. Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri telah meluluskan dasar perumahan khusus bagi penjawat awam yang dikenali sebagai Rumah Penjawat Awam Pahang (RPAP).
48. Bagi memohon unit-unit RPAP ini, pemohon mestilah merupakan sama ada penjawat awam, pasangan, atau anak kepada penjawat awam. RPAP ini akan dilaksanakan di lokasi dalam lingkungan 10 kilometer daripada pusat

bandar. Projek ini menawarkan **tiga (3) kategori** harga jualan bermula daripada **120 ribu ringgit** bagi rumah teres setingkat dan pangsapuri serta sehingga **450 ribu ringgit** bagi rumah banglo setingkat. Bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri telah meluluskan secara dasar seluas **80 ekar tanah** bagi projek RPAP di KotaSAS.

49. Kerajaan Negeri juga tidak sesekali melupakan keperluan rakyat yang memerlukan bantuan baik pulih terhadap rumah yang mereka sedang diami. Oleh itu, bantuan baik pulih bawah Peruntukan Pembangunan Pejabat SUK Pahang diteruskan pada tahun 2022 dengan peruntukan sebanyak **3.70 juta ringgit**. Pecahan adalah seperti berikut:
- i. Rumah PAKR dan PPRS dengan kos sebanyak **1.2 juta ringgit**,
 - ii. Rumah Desa dan Bandar (PBT) dengan kos sebanyak **1 juta ringgit**; dan
 - iii. Rumah Orang Asli dengan kos sebanyak **1.5 juta ringgit**.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

PEMBANGUNAN INSTITUSI AGAMA ISLAM

50. Kerajaan Negeri sentiasa berpegang kepada betapa pentingnya agenda pembangunan institusi, selaras dengan tuntutan yang terdapat dalam agama Islam. Agama Islam juga menuntut supaya institusi dan umatnya sentiasa memperkembangkan ilmunya seiring dengan peredaran masa, dan bagi memastikan umat Islam di negeri ini dapat mengadaptasi ilmu dan kehidupan semasa, institusi-institusi agama Islam di negeri ini haruslah diperkasa.

51. Menyedari keperluan untuk memperkasakan institusi agama Islam dari aspek merealisasikan ilmu dan teknologi yang berteraskan **Revolusi Perindustrian Ke-4**, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **147 juta ringgit** kepada Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Jabatan Kehakiman Syariah, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang dan Jabatan Mufti Pahang bagi tahun 2022.
52. Peruntukan ini merangkumi pelbagai perolehan aset dan perbelanjaan modal insan kepada sekolah-sekolah dan masjid seluruh Negeri Pahang yang melibatkan **1.92 juta ringgit**, pembinaan dewan serbaguna dan bangunan akademik, penyelenggaraan dan menaik taraf bangunan di bawah pentadbiran JAIP termasuk **Pejabat Agama Islam Daerah dan asrama sekolah-sekolah di bawah pengurusan JAIP** yang keseluruhannya berjumlah **10 juta ringgit**.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

ORANG KURANG UPAYA (OKU)

53. Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) sentiasa mendapat perhatian istimewa dari Kerajaan Negeri sejak sekian lama. Golongan ini adalah golongan yang wajib dibantu dan diberi perhatian khas agar mereka tidak merasa terabai atau dipinggirkan. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk memastikan kebijakan dan kesihatan golongan OKU dalam Negeri Pahang sentiasa terbela.
54. Kerajaan Negeri telah **mewujudkan Majlis Penasihat OKU Negeri Pahang** dan bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak **150 ribu ringgit** setahun bagi menjalankan aktiviti dan program ke arah

kesejahteraan OKU untuk memastikan agar golongan OKU terus dibela dan diberi perhatian.

55. Pembelian peralatan pemulihan kepada **52 Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Negeri Pahang dengan kos 520 ribu ringgit** bagi meningkatkan potensi pemulihan OKU dan mengelakkan kecacatan menjadi lebih teruk.
56. Menyedari tanggungjawab besar yang dipikul oleh penyelia dan petugas PPDK, sumbangan *one-off* **250 ringgit** kepada **300 orang Penyelia dan Petugas PPDK** seluruh Pahang dengan kos sebanyak **75 ribu ringgit** bagi mengiktiraf komitmen pekerja, pendidik dan pengasuh OKU untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada OKU.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

57. Rakyat yang sihat adalah kunci kepada kejayaan sebuah negeri yang maju. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri juga ingin menyatakan komitmen untuk turut membantu Kerajaan Pusat dalam memastikan tahap kesihatan rakyat Pahang berada dalam keadaan yang baik. Justeru, beberapa pendekatan dan strategi akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membolehkan hasrat ini tercapai.

MENINGKATKAN TARAF KESIHATAN RAKYAT

58. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pahang sentiasa memberikan penekanan terhadap pentingnya perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan yang baik kepada rakyat. Fokus utama perkhidmatan ini adalah untuk menyediakan fasiliti kesihatan yang mudah diakses oleh semua penduduk, dekat dengan

komuniti serta waktu perkhidmatan yang lebih panjang dan sesuai dengan keperluan penduduk setempat. Sebagai contoh, klinik kesihatan yang dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2022-2023 iaitu Klinik Kesihatan Bandar Raub, Klinik Kesihatan Kuala Triang, Bera, Klinik Kesihatan Kg Temai, Pekan, Klinik Kesihatan Kuala Krau, Temerloh, Klinik Kesihatan Kuala Tahan, Jerantut, Klinik Kesihatan Kg Raja, Cameron Highlands, Klinik Kesihatan Soi, Kuantan, Klinik Kesihatan Pos Lenjang, Kuala Lipis, dan Klinik Kesihatan Maran.

PASUKAN GERAK SIHAT PAHANG

59. Kerajaan Negeri memberikan perhatian kepada isu peningkatan bebanan Penyakit Tidak Berjangkit di Negeri Pahang ini. Satu transformasi perkhidmatan kesihatan awam dalam usaha meningkatkan mutu kesihatan rakyat Pahang amatlah diperlukan.

60. Satu inisiatif diperlukan dengan pendekatan yang lebih agresif dengan penubuhan unit berfungsi yang terdiri daripada sukarelawan dari kalangan masyarakat Pahang yang bertindak sebagai agen perubahan untuk kesihatan optimum. Kumpulan sukarelawan ini dikenali sebagai **Pasukan Gerak Sihat Pahang** atau singkatannya **GSiP**. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **692 ribu ringgit** bagi program ini yang akan melibatkan **277 NGO** di seluruh Negeri Pahang.

WARGA EMAS

61. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin kepada golongan warga emas dan bagi memastikan tahap kesihatan warga emas di Negeri Pahang berada di tahap yang terbaik, Kerajaan Negeri telah bersetuju memperuntukkan

sebanyak **10 juta ringgit** melalui **Kad Kesihatan Warga Emas** yang akan memberi manfaat kepada **18 ribu penerima**.

62. Selain itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri Pahang dan pada tahun 2022, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **150 ribu ringgit** kepada jawatankuasa ini bagi melaksanakan program pembangunan dan kesejahteraan di setiap daerah.

63. Kerajaan Negeri Pahang melalui Yayasan Pahang sedang melaksanakan **Kompleks Warga Emas di Bandar Wakaf Madinah Mawaddah** yang bercirikan bandar Islam moden yang terletak di atas tanah seluas 187 ekar di **Penor, Kuantan Pahang**. Bandar Wakaf Madinah Mawaddah ini dirancang sebagai sebuah perbandaran yang sempurna yang di sokong oleh pelan pembangunan terperinci. Bandar ini akan menyantuni warga emas, qaryah tempatan, warga ilmu dan juga golongan asnaf dan gelandangan yang memerlukan perkhidmatan sokongan. Fasa 1 pembinaan sedang berjalan, yang meliputi Kompleks Warga Emas yang menyediakan **106 unit rumah** warga emas kepada seramai **200 orang penghuni**, surau atau pusat pengajian yang mampu memuatkan sekitar 600 jemaah dan beberapa fasiliti kemudahan sokongan. Fasa 1 dijangka siap akhir tahun 2022 dan penghuni pertama dijangka pada Mac 2023. Bandar Wakaf Madinah Mawaddah akan menjadi Bandar Wakaf Pertama di Malaysia dan desa ini adalah merupakan Desa Warga Emas yang terbesar di Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

PENDIDIKAN BAGI MASA HADAPAN LEBIH BAIK

64. Kerajaan Negeri Pahang sentiasa fokus dalam memastikan pendidikan anak-anak Negeri Pahang tidak terabai walaupun sedikit. Alhamdulillah, komitmen Kerajaan Negeri membawa hasil. Ini dapat dibuktikan dengan kejayaan seorang demi seorang anak Pahang yang mendapat pelbagai pengiktirafan dalam dan luar negara. Antaranya ialah adik Maryam Muzamir, pelajar darjah 5 Sekolah Kebangsaan (P) Methodist Kuantan yang memenangi tiga (3) pingat emas dalam pertandingan inovasi dan reka cipta yang berlangsung di Kanada pada bulan Ogos tahun ini. Selain itu, pencapaian adik Muhammad Hamdi Ahmad Hakimi, anak kelahiran Pahang yang berasal dari Kuantan, telah diterima untuk masuk ke Universiti Harvard, sebuah universiti terbaik di dunia, adalah begitu membanggakan. Begitulah hebatnya, anak-anak Pahang.

65. Komited dengan memperkasa agenda pendidikan, Kerajaan Negeri pada tahun 2022 akan meneruskan usaha yang telah dibuat sebelum ini, di samping memperkenalkan beberapa skim bantuan baharu bagi memantapkan lagi usaha Kerajaan Negeri dalam membantu anak-anak Pahang terus cemerlang dalam pelajaran.

PINJAMAN PENDIDIKAN ANAK PAHANG

66. Pada tahun 2021, seramai **20,335 pelajar** telah menerima pinjaman berjumlah **264.29 juta ringgit** melalui agensi Kerajaan Negeri iaitu Yayasan Pahang. Untuk tahun 2022, Kerajaan Negeri menerusi agensi yang sama akan memperuntukkan sebanyak **278.63 juta ringgit** untuk

21,011 pelajar bagi mendapatkan pinjaman untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi sama ada di dalam atau luar negara.

67. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang juga komited untuk membantu meringankan bebanan pinjaman pendidikan anak Pahang dengan menawarkan pelbagai program bantuan seperti berikut:-
- i. diskaun **20 peratus** bagi pembayaran balik pinjaman,
 - ii. skim bayar **RM50** selama 12 bulan bagi peminjam yang terkesan akibat pandemik COVID-19,
 - iii. insentif secara *one off* sebanyak **1 ribu ringgit** ditolak dari jumlah pinjaman; dan
 - iv. peminjam yang baru membuat potongan gaji diberikan insentif *one off* **1 ribu ringgit** ditolak dari jumlah pinjaman.

Kesemua bantuan ini diharapkan dapat membantu anak Pahang untuk fokus membina kerjaya.

68. Untuk makluman, UNICEF melaporkan kadar celik huruf pelajar yang dikekang oleh Perintah Kawalan Pergerakan akan meningkat **enam (6)** kali ganda jika tiada langkah pencegahan diambil dan akan mengakibatkan peningkatan jurang sosioekonomi negara. Hasil kajian mendapati **79.5 peratus** atau lapan (8) daripada sepuluh (10) orang kanak-kanak yang dikenal pasti sebagai yang tercicir adalah daripada golongan B40. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang berhasrat melaksanakan intervensi dengan inisiatif seperti Baca Cepat Kawanku (BCK) di Sekolah Luar Bandar dan Komuniti Rentan.
69. Anak-anak Orang Asli juga tidak dilupakan. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang akan menerapkan modul untuk meningkatkan kadar

literasi dari kalangan anak-anak Orang Asli. Laluan khas dan insentif juga disediakan kepada pelajar Orang Asli bagi kemasukan ke IPT milik Kerajaan Negeri Pahang. Kerajaan Negeri juga mensasarkan **80 peratus** dari kalangan pelajar Orang Asli lulus dalam semua subjek peperiksaan. Insentif khas ini diberikan sebagai galakan untuk mendorong kemasukan pelajar Orang Asli ke IPT.

70. Usia empat (4) tahun dan ke bawah adalah *critical age* yang membentuk seseorang kanak-kanak. Bagi menjana potensi dan meningkatkan tahap pendidikan awal kanak-kanak (Early Childhood Care & Education) di Negeri Pahang, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang memperuntukkan sebanyak **5 ribu ringgit** kepada TASKA yang berdaftar dengan JKM, yang mencapai penarafan *standard* 4 bintang ke atas, dengan keseluruhan peruntukan sebanyak **350 ribu ringgit** dengan anggaran 70 TASKA mendapat penarafan 4 bintang.
71. Seterusnya Kerajaan Negeri juga meneruskan bantuan peranti digital dan pencetak kepada kanak-kanak kumpulan B40 yang akan mengambil peperiksaan SPM dengan memperuntukkan sebanyak **1500 buah** peranti digital kepada anak penerima bantuan JKM serta penghuni **empat (4) institusi** kanak-kanak JKM dengan peruntukan sebanyak **2.2 juta ringgit**.
72. Bagi memastikan pendidikan kanak-kanak golongan B40 tidak dipinggirkan dalam pendidikan, beberapa inisiatif akan diperkenalkan iaitu:
 - i. Memupuk bakat ikon kanak-kanak untuk terus cemerlang dalam akademik, sahsiah dan ko-kurikulum dengan memperuntukkan sebanyak **10 ribu ringgit seorang** kepada seramai **22 orang kanak-kanak** di bawah Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK)

Negeri Pahang untuk mengikuti latihan *soft-skills* bawah pendidikan agensi Kerajaan Negeri. Ini melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak **220 ribu ringgit**,

- ii. Pengasahan bakat kanak-kanak cemerlang terus dipertingkatkan ke aras yang lebih cemerlang di samping menjadi *role-model* kepada kanak-kanak lain,
- iii. Mengenal pasti masalah keciciran pelajar yang tidak mampu membaca bagi pelajar darjah 1 dan tidak mampu membaca Al Quran melalui program Pembangunan Modal Insan,
- iv. Pembukaan cawangan tadika tahfiz di 4 daerah dengan sasaran khatam juzuk apabila tamat tadika,
- v. Sekolah rendah tahfiz di Negeri Pahang akan dibuka dengan menggabungkan modul Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan modul hafazan,
- vi. Mengekalkan *ranking* pertama Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Maahad Tahfiz di Pahang selama 8 tahun secara berturut-turut; dan
- vii. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang memberikan biasiswa sekolah rendah dan menengah bagi murid dari keluarga yang berpendapatan bawah **2500 ringgit**, di mana 9 daripada 10 pelajar di sekolah rendah, dan 6 daripada 10 pelajar di sekolah menengah telah menerima biasiswa ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

PENDIDIKAN TERTIARI MILIK KERAJAAN NEGERI PAHANG – UNIPSAS

73. Pada 1 Disember 2021 bersamaan 26 Rabiulakhir 1443H, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) secara rasmi dikenali sebagai Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah atau singkatannya

UnIPSAS. Naik taraf UnIPSAS secara rasmi ini sebagai sebuah Universiti Penuh merupakan kejayaan dan kebanggaan semua pihak di Negeri Pahang Darul Makmur.

74. Kerajaan Negeri Pahang sentiasa komited untuk menjadikan UnIPSAS terus berkembang maju dalam semua aspek melalui penyaluran geran tahunan. Selepas dinobatkan sebagai Universiti Islam Swasta Pertama di Negeri Pahang dan di Pantai Timur, UnIPSAS boleh memainkan peranan yang lebih luas dalam perkembangan semasa sektor pengajian tinggi di Malaysia melalui enrolmen pendidikan tinggi negara terutama peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.
75. Naik taraf UnIPSAS ini lebih bermakna kerana pada tahun 2021 ini, UnIPSAS menyambut Jubli Perak sempena ulang tahun penubuhannya yang ke-25. Usia 25 tahun ini sangat signifikan kerana membuktikan bahawa UnIPSAS terus kekal relevan, menerima sokongan yang baik daripada masyarakat serta berjaya menawarkan program pengajian yang menjadi permintaan dan mempunyai nilai kebolehpasaran graduan yang tinggi. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **2.23 juta ringgit** bagi program sokongan universiti ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

KAD DISKAUN PELAJAR KEBANGGAAN PAHANG (PAHANG PRIDE STUDENT)

76. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan rintihan para ibu bapa yang risau akan perbelanjaan mereka dalam persediaan menghadapi sesi persekolahan baru. Antara mereka adalah ibu bapa golongan B40 dan M40 yang terkesan terutama dari segi ekonomi dalam pandemik COVID-19.

19. Namun, perbelanjaan persediaan memasuki sesi persekolahan ini adalah mustahak, bukan sahaja bagi ibu bapa, tetapi untuk memastikan anak-anak Pahang berasa gembira dan teruja untuk memasuki persekolahan dengan kelengkapan yang serba baharu.
77. Mengambil kira rintihan ini, Kerajaan Negeri Pahang akan memperkenalkan **Kad Pelajar Kebanggaan Pahang (Pahang Pride Student)** yang akan diberikan kepada semua Ketua Isi Rumah (KIR) dari kumpulan B40 (pendapatan isi rumah kurang dari RM4,850) dan M40 (pendapatan isi rumah di antara RM4,851 hingga RM10,970) yang mempunyai anak yang masih bersekolah. Dengan kad ini, pembeli akan menikmati diskaun sebanyak **20 peratus** pada setiap perbelanjaan keperluan persekolahan, termasuklah buku, pakaian sekolah, beg sekolah dan alat tulis yang terpilih. Kad ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pahang dengan kerjasama MBS Book & Stationeries, sebuah syarikat swasta milik anak kelahiran Pahang yang telah memulakan perniagaan semenjak 40 tahun yang lalu. Kad Kebanggaan Pelajar Pahang ini akan memberi manfaat kepada kira-kira **238,455 pelajar** dari keluarga B40 dan M40 dalam Negeri Pahang.
78. Tambahan daripada itu, bagi meringankan lagi beban ibu bapa dalam kategori golongan miskin, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan tambah nilai sebanyak **100 ringgit** kepada **setiap pelajar di bawah kategori keluarga miskin** yang akan dikreditkan ke dalam kad diskaun Kebanggaan Pelajar Pahang. Selain menikmati potongan harga sebanyak **20 peratus** tadi, **ibu bapa dalam kategori golongan miskin ini akan mendapat bantuan bagi membeli set bantuan persekolahan bernilai sebanyak 100 ringgit** yang akan lebih meringankan lagi beban mereka. Bagi maksud ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak **4.87 juta sebagai**

bantuan persekolahan kepada 48,711 pelajar dalam kategori keluarga miskin di seluruh Negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

STRATEGI KEDUA : MELENGKAPKAN KEMUDAHAN ASAS RAKYAT

79. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan kemudahan asas di negeri ini dapat disediakan selengkapnya. Kemudahan asas ini penting agar dapat memastikan rakyat hidup selesa dan sejahtera. Dalam aspek ini, Kerajaan Negeri menyelami denyut nadi rakyat yang sentiasa menginginkan infrastruktur dan kemudahan asas selengkap yang boleh. Kerajaan Negeri juga, sentiasa mendengar keluhan dan aduan rakyat sama ada dari saluran rasmi, atau pun komen melalui media sosial. Setiap aduan diteliti satu persatu, dan insya-Allah akan disentuh dalam Strategi Kedua Pembentangan Belanjawan 2022 Negeri Pahang ini.

BEKALAN AIR

80. Isu bekalan air bersih bagi penggunaan penduduk adalah satu isu besar yang sering diutarakan oleh rakyat. Bahkan, di dalam libat urus bersama pelbagai pihak untuk mendapatkan input berkenaan Belanjawan Tahun 2022 ini, isu perkhidmatan air adalah salah satu isu yang sering disebut. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri komited dan mempunyai matlamat untuk memastikan perkhidmatan bekalan air bersih dapat disediakan dengan sehabis baik untuk seluruh kawasan penduduk di dalam Negeri Pahang.
81. Dalam usaha untuk mencapai matlamat tersebut, Kerajaan Negeri terus memberikan komitmen untuk melaksanakan program bekalan air seperti

yang telah dirancang. Pada tahun 2021, sebanyak **92.5 juta ringgit** peruntukan telah disediakan bagi menyiapkan projek-projek pembangunan infrastruktur bekalan air baharu serta menaik taraf sistem sedia ada. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **151.28 juta ringgit** iaitu peningkatan sebanyak **58.78 juta ringgit** bagi tujuan perbekalan air Negeri Pahang.

82. Bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri melalui Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) akan meneruskan pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang di bawah program Rancangan Malaysia Ke-12 yang mana sebahagian besarnya adalah merupakan projek-projek sambungan yang telah mula dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-11. Projek-projek tersebut melibatkan pembinaan loji rawatan air, pembinaan tangki simpanan dan pemasangan paip yang telah pun siap dan digunakan oleh pihak industri dan pengguna domestik.

PROJEK-PROJEK YANG TELAH DITENDER (BEKALAN AIR)

83. Bagi meningkatkan perkhidmatan air kepada rakyat, pada tahun 2021 Kerajaan Negeri telah melaksanakan Projek Bekalan Air Raub bernilai **18 juta ringgit** iaitu;
- i. Projek 1: Kerja-Kerja Segera Mengatasi Kekeruhan Yang Tinggi di Loji Rawatan Air Sg. Bilut;
 - ii. Projek 2: Kerja-Kerja Segera Mengatasi Kekeruhan Yang Tinggi di Loji Rawatan Air Sg. Semantan; dan
 - iii. Projek 3: Kerja-Kerja Segera Mengatasi Kekeruhan Yang Tinggi di Loji Rawatan Air Sg. Klau.

84. Selain itu, Projek Membina Kolam Takungan Hiliran di Kuala Medang Daerah Lipis juga telah mula dilaksanakan pada tahun 2021 dengan kos **11 juta ringgit dan akan diteruskan pada tahun 2022.**
85. Manakala projek membina dan menyiapkan tangki imbangan berkapasiti 106 juta liter sehari (JLH) di kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan dan projek membina dan menyiapkan Loji Rawatan Air Semambu Fasa 3 berkapasiti 145 JLH di Daerah Kuantan pula akan dilaksanakan pada tahun 2022 dengan peruntukan berjumlah **619 juta ringgit.**

PERUNTUKAN MENAIKTARAF JALAN

86. Jaringan jalan raya juga adalah satu perkara yang mustahak dan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dalam Negeri Pahang. Adalah mustahak agar jalan raya di negeri ini sentiasa dinaik taraf sesuai dengan kadar pertumbuhan kenderaan. Keadaan jalan raya yang baik juga penting bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya. Justeru itu, Kerajaan Negeri ingin mengumumkan bahawa jumlah peruntukan penyelenggaraan jalan negeri bagi tahun 2021 adalah sebanyak **371 juta ringgit** telah disalurkan oleh Kerajaan Pusat bagi memastikan infrastruktur jalan di Negeri Pahang diselenggara dengan baik.

PERBELANJAAN INFRASTRUKTUR (JKR)

87. Bagi Perbelanjaan Pembangunan Infrastruktur JKR tahun 2022, sebanyak **60.83 juta ringgit** akan diperuntukkan merangkumi penyelenggaraan dan naiktaraf di antaranya kuarters dan pejabat-pejabat kerajaan. Terdapat peningkatan Peruntukan Pembangunan bagi tahun 2022 sebanyak **27.73 juta ringgit** iaitu **83.78 peratus** berbanding tahun sebelumnya.

TEBATAN BANJIR

88. Negeri Pahang sememangnya tidak dapat lari dari masalah banjir terutama dalam musim tengkujuh. Namun, tidak pernah sesekali Kerajaan Negeri mengabaikan isu banjir malah sentiasa komited dan bersiap siaga dalam menghadapi bencana banjir pada setiap tahun. Kerajaan Negeri juga menggariskan beberapa projek dan pelan strategik yang akan dilaksanakan pada tahun 2022 untuk memastikan bencana ini tidak mendatangkan kesan yang terlalu besar terutamanya kepada rakyat.
89. Bagi peruntukan pembangunan bawah Kerajaan Negeri pula, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pahang telah menerima peruntukan sebanyak **4.9 juta ringgit** untuk tahun 2021. Peruntukan ini adalah untuk membina projek-projek tebatan banjir dan pemuliharaan sungai-sungai di Pahang.
90. Bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **10.35 juta ringgit** dengan memfokuskan kepada Rancangan Pemulihan Koridor di Lembangan Sungai Negeri Pahang serta kerja-kerja membina infrastruktur di skim pengairan paya di Daerah Maran. Bagi Projek Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kuantan untuk Fasa II dan III, ianya dijadualkan akan ditender pada awal tahun 2022. Tujuan utama projek ini adalah untuk mengurangkan risiko banjir kepada penduduk di sekitar Kuantan.
91. Selain daripada itu, bagi tahun 2022, Projek Rancangan Saliran MCKIP Gebeng Kuantan akan dilaksanakan untuk membina saliran bagi kawasan perindustrian MCKIP dan menaik taraf sungai di Sungai Ular. Projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 yang berjumlah **40 juta ringgit** ini

diharapkan dapat menarik minat pelabur-pelabur untuk melabur di kawasan Perindustrian Gebeng di Negeri Pahang.

PENINGKATAN INFRASTRUKTUR TEKNOLOGI MAKLUMAT

92. Memahami keperluan capaian internet terutamanya dari aspek penggunaan internet dalam kehidupan norma baharu, Kerajaan Negeri ingin memastikan bahawa capaian internet di Negeri Pahang berada di tahap yang baik, termasuklah di kawasan pedalaman dan kawasan Orang Asli.
93. Pada tahun 2022, sejumlah **2.7 juta ringgit** akan diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi pembangunan teknologi maklumat kepada jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Pahang untuk memastikan kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan awam secara berterusan dalam norma baharu. Manakala, bagi memudahkan capaian data berkaitan bantuan untuk rakyat diperolehi dengan cepat dan pantas, Kerajaan Negeri membangunkan sistem data berpusat @ E-Rakyat Pahang dengan melibatkan peruntukan sebanyak **283 ribu ringgit**.
94. Bagi menyokong penyampaian perkhidmatan pula, sebanyak **400 ribu ringgit** telah diperuntukkan bagi penggantian infrastruktur ICT di jabatan-jabatan kerajaan meliputi komputer dan juga pencetak yang digunakan bagi pengoperasian sistem-sistem *online* di kaunter. Sebanyak **400 ribu ringgit** pula diagihkan bagi Program Pembangunan dan Pemantapan Proses Literasi ICT Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) yang mana ianya memfokuskan kepada penyediaan makmal komputer di 18 buah SMAN.

95. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah **400 ribu ringgit** pula bagi menaiktaraf infrastruktur rangkaian 1PahangNet di seluruh Negeri Pahang.
96. Selain daripada itu, perancangan juga telah dibuat bagi membangunkan satu pelan perkongsian data terbuka dan pemanfaatan analitik data raya negeri. Melalui program ini diharapkan pentadbiran Kerajaan Negeri dapat menggunakan data-data untuk dianalisa bagi membuat keputusan yang tepat dan relevan untuk pembangunan dan kesejahteraan negeri dan rakyat khususnya.
97. Bagi tahun 2022, penaiktarafan kabel-kabel rangkaian kepada model yang terkini iaitu CAT6 di semua agensi Kerajaan Negeri akan dilaksanakan secara berperingkat. Lesen-lesen peralatan rangkaian sedia ada akan diperbaharui untuk memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah sentiasa terkini, selamat dan terjamin. Secara keseluruhan Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **2.7 juta ringgit** bagi keseluruhan program pembangunan teknologi maklumat di agensi Kerajaan Negeri.
98. Selain itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **60 ribu ringgit setahun**, bagi langganan Perkhidmatan Jalur Lebar Satelit (VSAT) kepada **50 kawasan** yang mempunyai masalah capaian. Jumlah keseluruhan peruntukan ini adalah sebanyak **3 juta ringgit setahun**.

PELAN DIGITAL NEGERI PAHANG 2021-2025

99. Kerajaan Negeri akan melaksanakan Pelan Digital Negeri Pahang yang menjadi peneraju untuk mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan negeri yang mampan digital. Di antaranya adalah:

- i. Seluruh Negeri Pahang akan mendapat liputan jalur lebar 4G dengan kelajuan sehingga 35Mbps dengan mencapai liputan 4G sebanyak 96.9 peratus menjelang tahun 2022 melalui pembinaan 270 buah bilangan menara baru dengan liputan 4G sehingga hujung tahun 2022,
- ii. Menaik taraf stesen pemancar sedia ada dari rangkaian 2G/3G kepada 4G di kawasan penempatan luar bandar, pedalaman, kampung tradisional, kawasan penempatan berkelompok (FELDA, FELCRA, RTP, RPS) dan jalan raya luar bandar. Sebanyak 893 buah pemancar akan dinaik taraf di seluruh Negeri Pahang,
- iii. Menaik taraf rangkaian jalur lebar tetap kepada gentian optik yang membolehkan capaian berkeupayaan Gigabit mencapai 83 peratus di seluruh Pahang,
- iv. Kemudahan akses jalur lebar tanpa wayar satelit mencapai kelajuan purata sehingga 35Mbps di perkampungan Orang Asli. Oleh itu, komuniti Orang Asli di 69 buah perkampungan dapat menikmati kemudahan akses jalur lebar sebelum suku kedua tahun 2022,
- v. Pelaksanaan Rangkaian 5G di lokasi terpilih. Projek Perintis Rangkaian 5G akan dilaksanakan di Pusat Bandar Kuantan, Indera Mahkota dan KotaSAS; dan
- vi. Infrastruktur Akses Terbuka bagi capaian internet jalur lebar akan dilaksanakan di Kuantan, Pekan dan Cameron Highlands.

PEMBANGUNAN ORANG ASLI

100. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menyumbangkan Bantuan Bakul Makanan kepada 25,300 Ketua Isi Rumah Orang Asli Negeri Pahang yang terjejas

oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berjumlah **8.5 juta ringgit** untuk Fasa 1 dan Fasa 2.

101. Peruntukan bagi tujuan Projek Pembangunan Infrastruktur dan Ameniti Sosial di perkampungan Orang Asli pada tahun 2021 adalah sebanyak **7.5 juta ringgit**. Manakala Program Pemantapan Penyelarasan Bantuan Pendidikan Orang Asli dan Bantuan Kebajikan / Perubatan Orang Asli memperuntukkan sebanyak **13 juta ringgit**.
102. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap pembangunan dan kebajikan Orang Asli di Negeri Pahang. Oleh itu, Orang Asli Corporation (ORACO) telah ditubuhkan bagi menggantikan perancangan awal penubuhan Unit Orang Asli yang bertujuan untuk memperkasakan masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. ORACO akan bertindak sebagai Pusat Sehenti atau *One Stop Centre* (OSC) bagi merancang, mengurus, dan memantau aktiviti ekonomi yang akan dijalankan di atas tanah yang berpotensi memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli. ORACO juga bertindak sebagai penyelaras pembahagian tanah yang berpotensi memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli yang akan dibangunkan kepada agensi-agensi kerajaan seperti FELCRA Berhad, RISDA dan RISDA Plantation Sdn. Bhd.
103. Penubuhan ORACO di Negeri Pahang akan memainkan peranan untuk:-
 - i. Mengenal pasti tanah-tanah yang berpotensi untuk dibangunkan dan dikenalpasti dapat memberi sumbangan ekonomi kepada masyarakat Orang Asli,
 - ii. Menyelaras dan menguruskan semua tanah-tanah pertanian yang berpotensi untuk dibangunkan oleh agensi kerajaan seperti FELCRA

- Berhad, RISDA dan RISDA Plantation Sdn. Bhd. (RPSB) demi
kepentingan ekonomi masyarakat Orang Asli; dan
- iii. Meminimakan ketirisan kutipan hasil melalui pengurusan tanah yang
berpotensi untuk bermanfaat kepada masyarakat Orang Asli dengan
sistematis dan berkesan.
104. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan memberikan Geran kepada Orang Asli
Corporation (ORACO) sebanyak **1.0 juta ringgit** pada tahun 2022 untuk
memulakan operasi dan program bagi Orang Asli Negeri Pahang.

PAHANG BARAT *PLUS*

105. Bagi mewujudkan keseimbangan pembangunan di seluruh daerah Negeri
Pahang, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat *Plus* telah
ditubuhkan pada tahun 2020 bagi meningkatkan pelaburan dan
pembangunan ekonomi dari lima (5) kluster industri utama iaitu
pelancongan, pertanian, perkayuan, mineral dan perkhidmatan. Kawasan
pentadbiran bagi Pelan Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat
Plus merangkumi enam (6) daerah iaitu **Bentong, Cameron
Highlands, Lipis, Raub, Jerantut dan Bera** dengan keluasan
keseluruhan **1.978** juta hektar. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah
memperuntukkan sebanyak **1 juta ringgit** untuk tujuan pembangunan
tersebut.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

KHAZANAH WARISAN

106. Negeri Pahang dikurniakan khazanah warisan yang tidak ternilai
harganya. Pahang sememangnya terkenal dengan perkembangan

tamadun Melayu, sejarah kehebatan pahlawan yang terbilang dan warisan-warisan berbentuk artifak dan kraftangan. Justeru, adalah wajar untuk khazanah ini terus dipelihara, agar ia kekal untuk menjadi tontonan, didikan dan ikutan anak cucu kita nanti.

107. Oleh itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **5.46 juta ringgit** bagi mengurus dan mentadbir Perbadanan Muzium Negeri Pahang termasuk program tahunan muzium, kajian dan penulisan Sejarah Pahang, penerbitan buku-buku, projek menaik taraf muzium-muzium dan kajian pembangunan artifak.
108. Bagi tahun 2022, Perbadanan Muzium Negeri Pahang akan menaik taraf Muzium Masjid Sultan Abdullah, Pusat Kajian Sejarah Dan Tamadun Al-Sultan Abdullah, Perkampungan Kraf Diraja Tunku Azizah Kampung Pulau Keladi dan Pembangunan Pulau Beram di Pekan, Pahang. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **18.80 juta ringgit** kepada Perbadanan Muzium Negeri Pahang termasuk projek menaik taraf muzium-muzium dan kajian pembangunan artifak.
109. Penubuhan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah merupakan satu usaha untuk menjadi sumber rujukan yang sahih dan dimanfaatkan oleh pelbagai peringkat masyarakat dengan menjalankan penyelidikan berterusan oleh pakar-pakar daripada pelbagai bidang ilmu, kajian lapangan, seminar, kolokium, persidangan dan penerbitan bahan bacaan seperti buku, jurnal, monograf, travelog, majalah dan sebagainya. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan **1 juta ringgit** bagi merealisasikan penubuhan tersebut.
110. Peruntukan di bawah RMK-12 bagi cadangan projek menaik taraf pembangunan Pulau Beram, Pekan telah diluluskan sebanyak **2 juta**

ringgit pada tahun 2021. Muzium Negeri Pahang menerapkan konsep muzium dalam taman yang menjadikan muzium ini lebih terbuka dari segi penggunaan ruang dan mempunyai interaksi yang sangat baik dengan alam semula jadi. Oleh itu bagi meneruskan usaha ini, pada tahun 2022, sebanyak **9 juta ringgit** akan diperuntukkan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut.

111. Pada tahun 2021, Muzium Pahang menguruskan projek menaik taraf Perkampungan Kraf Diraja Tunku Azizah, Pulau Keladi. Hasil daripada projek menaik taraf ini akan mewujudkan 10 buah rumah inap (homestay), bengkel penghasilan kain tenun khususnya Tenun Pahang Diraja yang menjadi identiti negeri Pahang dan memperkenalkan permainan tradisional seperti permainan gasing. Perkampungan Kraf Diraja Tunku Azizah dapat memberi pengalaman percutian untuk pelancong dan membuka peluang pekerjaan bagi penduduk setempat sesuai dengan konsep penawaran dan permintaan. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan **4 juta ringgit** bagi melaksanakan kerja-kerja naik taraf perkampungan tersebut.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PAHANG

112. Perpustakaan adalah satu gedung ilmu yang harus sentiasa diperkasa. Malahan jika dilihat di luar negara, ia adalah sebagai sebuah mercu tanda dan simbolik terhadap betapa hebatnya ilmu yang dimiliki oleh penduduk di sesebuah kawasan tersebut. Selain itu, gedung ilmu inilah yang akan menjadi tempat bagi orang ramai ingin mendapatkan sumber ilmu dan maklumat.
113. Seperti yang diamalkan oleh negara-negara maju, Negeri Pahang juga berhasrat untuk menjadikan perpustakaan di dalam Negeri Pahang

setanding dengan perpustakaan-perpustakaan di tempat lain. Justeru, peruntukan khas akan diberikan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang bagi memastikan perpustakaan di Negeri Pahang terus diperkasa.

114. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **10 juta ringgit** dengan peningkatan sebanyak **3.09 juta ringgit** berbanding tahun 2021 iaitu **6.91 juta ringgit** untuk membantu perpustakaan ke arah sebuah Pusat Kecemerlangan dan Pendigitalan Sumber Ilmu Negeri. Ini termasuk penjenamaan semula 41 buah perpustakaan desa di seluruh Negeri Pahang serta perolehan dua (2) buah bas bagi kegunaan Perpustakaan Bergerak Negeri Pahang.
115. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan **160 ribu ringgit** untuk membantu Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang meneruskan usaha menambah baik Pusat Kecemerlangan dan Pendigitalan Sumber Ilmu Negeri.
116. Adalah diharapkan agar masyarakat terutamanya pelajar sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, para belia dan penduduk Pahang secara keseluruhannya dapat memanfaatkan pengunaan perpustakaan bagi menjamin kualiti ilmu di kalangan masyarakat negeri ini.

PENGUATKUASAAN NEGERI PAHANG

117. Kerajaan Negeri sangat memandang serius isu ketirisan aktiviti perlombongan, penebangan hutan, dan pencerobohan tanah secara haram di dalam Negeri Pahang. Justeru, penubuhan Pasukan Elit Penguatkuasa Negeri Pahang telah ditubuhkan bagi memastikan kegiatan ini dapat dibendung dengan lebih efisien.

118. Sebanyak **2.93 juta ringgit** telah diperuntukkan bagi tujuan memperkasa penguatkuasaan negeri Pahang.
119. Penubuhan *Unified Team* dengan penyertaan pelbagai agensi penguatkuasaan bagi memperkuatkukan lagi penguatkuasaan di lapangan terutamanya di kawasan pembalakan dan perlombongan. Sebanyak **24 operasi** penguatkuasaan telah dirancang dan dilaksanakan dengan jumlah kompaun dan gantirugi sebanyak **8.5 juta ringgit**. Laporan kejayaan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan hutan telah kerap dipaparkan di media masa.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

STRATEGI KETIGA : MENSEJAHTERAKAN KEHIDUPAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL EKONOMI

KE ARAH MEMPERKASA WANITA

120. Peranan wanita dalam agenda pembangunan negara dan Negeri Pahang adalah begitu besar. Kaum wanita dilihat sentiasa efisien dalam memainkan peranan yang telah dipertanggungjawabkan. Malahan dari semasa ke semasa, kita dapat lihat kaum wanita dapat melahirkan bakat demi bakat dalam pelbagai bidang dan lapangan. Kerajaan Negeri Pahang juga sememangnya mengiktiraf peranan wanita di Negeri Pahang, baik di peringkat pentadbiran kerajaan, politik, ekonomi, NGO, belia maupun keluarga.
121. Kerajaan Negeri menyedari dan mengambil berat dalam usaha memperkasakan wanita. Justeru itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **5 juta ringgit** bagi Penggubalan Dasar Wanita Pahang dan

pelaksanaan Pelan Tindakan Wanita Pahang dalam tempoh lima tahun (2022-2026) dengan geran permulaan berjumlah **1 juta ringgit** setahun. Pelan ini menyediakan hala tuju, garis panduan serta strategi yang melibatkan wanita secara berkesan dalam arus pembangunan supaya potensi wanita dapat dioptimumkan dalam pelbagai kluster pembangunan wanita di Negeri Pahang. Dasar yang komprehensif berserta pelan tindakan wanita ini khusus melibatkan seramai 100 orang professional, pakar dan penyelidik dari kalangan anak Pahang dalam pelbagai bidang. Jawatankuasa Kerja Pelan Tindakan Wanita dianggotai oleh tokoh-tokoh Wanita Negeri Pahang seperti, Tan Sri Noorul Ainur Mohd Nur, Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha Kamaruddin, Tan Sri Norliza Rofli, Dato' Sri Maznah Mazlan dan ramai lagi.

122. Bagi tujuan ini, kajian terperinci berkaitan kekuatan, isu dan cabaran wanita Pahang yang mencakupi semua kategori sasaran seperti wanita muda, ibu tunggal, usahawan, profesional dan surirumah sedang dijalankan oleh pihak penyelidik dan hasil kajian dijangka akan dibentangkan pada penghujung tahun ini. Strategi pelaksanaan, tempoh pelaksanaan, agensi pelaksana, inisiatif-inisiatif baharu serta latihan-latihan yang diperlukan akan turut dirangka bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan tuntas dalam pemerkasaan wanita Negeri Pahang.

PAHANG WOMEN'S CENTER (PWC)

123. Untuk makluman, *Pahang Women's Center* telah dilancarkan pada 8 Mac 2021 sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa dan akan terus beroperasi memberi perkhidmatan kepada wanita Negeri Pahang. Antara perkhidmatan yang diberikan ialah sebagai pusat perlindungan sementara, pusat khidmat nasihat dan kaunseling serta sebagai pusat aktiviti Majlis Pembangunan Wanita Negeri Pahang. Bagi memastikan perkhidmatan

yang diberikan dapat berjalan dengan lancar, Kerajaan Negeri memperuntukkan kos penyelenggaraan sebanyak **80 ribu ringgit** setahun.

124. Seterusnya, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **280 ribu ringgit** untuk melaksanakan **Program Anggun Niaga** yang menyediakan bantuan kewangan *one-off* bernilai **1 ribu ringgit** seorang, kepada **280 usahawan kecil ibu tunggal** di seluruh Negeri Pahang.
125. Menyedari bahawa kanser payudara adalah pembunuhan utama bagi kaum wanita di seluruh dunia, Kerajaan Negeri pada 2021 telah memperuntukkan sejumlah **1.5 juta ringgit** untuk program **Saringan Mamogram Cakna Suri**. Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan program yang sama, tetapi kali ini, selain daripada pemeriksaan mamogram percuma, **saringan Kanser Serviks (HPV DNA)** juga akan diberikan secara percuma. Program Cakna Suri ini akan memberi faedah kepada **6 ribu orang wanita** B40 di negeri ini dengan peruntukan keseluruhan berjumlah **1.9 juta ringgit**.
126. Kerajaan Negeri sebelum ini telah meluluskan pemberian sumbangan kepada pasangan yang berkahwin untuk kali pertama. Pada tahun 2022, usaha murni ini diperkembangkan lagi dengan memperkenalkan **Program Anak Kebanggaan Pahang (Pahang Pride Kid)**. Program ini adalah satu program bagi membantu para ibu bapa yang baru melahirkan mengharungi cabaran terutama dari sudut ekonomi dalam membesarakan bayi, di samping turut meraikan kegembiraan mereka melahirkan cahaya mata. Ini juga adalah sebagai tanda anak yang mereka lahirkan, adalah anak kebanggaan Negeri Pahang.

127. Program Anak Kebanggaan Pahang ini adalah untuk memberikan saguhati kepada bayi yang lahir di negeri Pahang pada tahun 2022. Pemberian bernilai **200 ringgit** untuk setiap kelahiran ini diberikan dalam dua bentuk iaitu **100 ringgit** dalam bentuk simpanan bank dan **100 ringgit** lagi dalam bentuk barang penjagaan bayi dan ibu sewaktu berpantang. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan, kelahiran bayi bagi Negeri Pahang tahun 2020 adalah 25,279 orang setahun. Oleh itu, keseluruhan peruntukan untuk program ini adalah sebanyak **5 juta ringgit**.

KUMPULAN WANG AMANAH JAWATANKUASA MALAPETAKA NEGERI PAHANG (KWAMP)

128. Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka Negeri Pahang memperuntukkan sebanyak **7.6 juta ringgit** kepada tabung ini untuk pengurusan bantuan kepada mangsa bencana di Negeri Pahang. Ini adalah bukti keprihatinan Kerajaan Pahang bagi membantu mangsa bencana dan dengan ini Kerajaan Negeri menaikkan bantuan bencana di setiap daerah daripada **20 ribu ringgit** kepada **50 ribu ringgit**. Implikasi kenaikan ini adalah sebanyak **330 ribu ringgit**. Menjadikan keseluruhan peruntukan daripada Kerajaan Negeri sebanyak **550 ribu ringgit**.

JAMINAN KESELAMATAN

129. Bagi meneruskan visi dan misi dalam pembanterasan pengedaran dan penyalahgunaan dadah di Negeri Pahang, Kerajaan Negeri bersama-sama PDRM, AADK dan agensi-agensi lain akan terus mempertingkatkan usaha dari segi:-

- i. Meneruskan usaha membanteras dadah melalui Majlis Tindakan Membanteras Dadah Negeri Pahang meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap bahaya dadah melalui pameran, ceramah dan pengedaran risalah berkaitan bahaya dadah.
- ii. Juga melalui program Rakan Cop dan *Community Policing* yang bertujuan mendapatkan kerjasama dan sokongan dari orang awam terutamanya dalam penyaluran maklumat pengedaran dan penyalahgunaan dadah.

PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR (*ENVIRONMENTAL, SOCIAL AND GOVERNANCE – ESG*)

130. Sebagai sebuah negeri yang sedang pesat membangun, memang tidak dinafikan bahawa sumber hutan merupakan aset semulajadi yang penting kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan masyarakat. *Environmental, Social and Governance (ESG)* ini akan terus menjadi salah satu penyumbang utama kepada sumber pendapatan negeri dengan jangkaan sumbangan sejumlah **150 juta ringgit** bagi tahun 2022.
131. Kutipan ini adalah daripada bayaran premium, royalti dan caj-caj lain. Pada masa yang sama dalam usaha untuk terus mengekalkan prestasi sektor perhutanan yang menggalakkan dalam menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negeri, Kerajaan Negeri telah melaksanakan kadar royalti yang baharu ke atas pengeluaran kayu balak dan kayu jaras, melaksanakan proses tender untuk kawasan pembalakan, mengenakan caj memasuki Taman Eko Rimba dan Taman Negeri, cadangan mengenakan caj untuk sumber air dalam Hutan Simpan Kekal, mengenakan caj untuk penjualan anak pokok hutan, sumber daripada pokok herba, memperkemaskan industri eko-pelancongan, meningkatkan aktiviti penguatkuasaan undang-undang perhutanan, menjana sepenuhnya

penggunaan tenaga sumber manusia dan memperkemaskan Sistem Kutipan Hasil Hutan secara berkomputer agar kutipan hasil dari sektor perhutanan dapat ditingkatkan serta mengurangkan ketirisan hasil hutan.

132. Di dalam perancangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) untuk tempoh lima (5) tahun dari tahun 2021 sehingga tahun 2025, pelbagai projek pembangunan dan aktiviti perhutanan telah dirancang dan Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **34.48 juta ringgit** bagi pengurusan dan penjagaan sumber hutan Negeri Pahang. Bagi tujuan pembangunan tahun 2022, peruntukan sebanyak **68.94 juta ringgit** diberikan bagi menjalankan kerja-kerja pembangunan hutan dan operasi serta menguruskan perbelanjaan di peringkat pentadbiran. Di samping usaha untuk meningkatkan kutipan hasil hutan tersebut, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri juga akan terus memberi keutamaan kepada pembangunan untuk aktiviti memulihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan, air dan tanah untuk memastikan pengekalan dan penggunaannya secara terus dan terancang. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang akan terus menjalankan projek-projek yang berimpak tinggi berkaitan dengan eko-pelancongan dan biodiversiti hutan yang menjurus ke arah aspek kestabilan dan pengekalan kelestarian alam sekitar. Ini adalah sejajar dengan keperluan dan matlamat Kerajaan Negeri bagi meningkatkan hasil dan perkhidmatan hutan melalui pelbagai aktiviti perhutanan tersebut seperti tumbuhan ubatan, minyak gaharu dan sebagainya.

133. Penguatkuasaan dan pemantauan juga telah ditambah baik bagi meningkatkan hasil pada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pahang sedang dalam perancangan membina bilik gerakan kawalan (*war room*) dan pemprosesan perolehan imej. Pengwujudan *war room* ini bertujuan untuk membuat pemantauan hutan

secara *real-time* menggunakan data imej satelit. Sebanyak **1.05 juta ringgit** diperuntukkan bagi projek ini. Kesemua projek ini secara tidak langsung akan mengurangkan ketirisan hasil bagi jabatan dan Kerajaan Negeri.

KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK “1 POKOK, 1 WARGA PAHANG”

134. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pahang menyokong penuh Agenda Penghijauan Malaysia : Kempen penanaman 100 juta pokok “1 pokok, 1 warga Pahang” bagi meningkatkan kesedaran tentang pentingnya kawasan litusan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambah baik ekosistem dan biodiversiti negara. Program ini melibatkan semua agensi kerajaan, swasta dan NGO di Negeri Pahang di mana semua aktiviti yang dirancang perlu melibatkan slot penanaman pokok. Sasaran penanaman : 5 juta pokok setahun sehingga tahun 2025. Untuk makluman, melalui kempen dan projek restorasi, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah berjaya menanam sebanyak 1,204,611 batang pokok melalui beberapa siri program penanaman yang antaranya program kempen kesedaran yang disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK)

135. Negeri Pahang perlu berbangga kerana sejumlah 24 peratus daripada jumlah keluasan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Pahang telah diwartakan sebagai kawasan Hutan Tadahan Air dengan keluasan 384.84 hektar. Kerajaan Negeri juga komited dengan menjadikan **1.6 juta hektar** kawasan hutan di Negeri Pahang menjadi kawasan HSK iaitu 57

peratus daripada keseluruhan kawasan hutan yang ada. Justeru, Kerajaan Negeri berharap pengekalan khazanah alam ini akan diganti dengan pampasan oleh Kerajaan Pusat.

KONSERVASI GAJAH LIAR DI PAHANG

136. Senario gajah liar berkeliaran di pinggir perkampungan di sekitar pedalaman Hulu Tembeling telah menjadi fenomena biasa bagi penduduk di kawasan Kampung Tuit, Kuala Tahan. Keadaan ini dipercayai berlaku kerana gajah liar berkenaan sudah kekurangan makanan dan ketiadaan kawasan rayau akibat penerokaan hutan yang berlaku. Untuk itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **1 juta ringgit** untuk konservasi gajah liar dan juga menyediakan pampasan kepada petani atau mangsa yang menghadapi kerosakan pada harta benda akibat gajah liar berkeliaran ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

PEMBANGUNAN GOLONGAN ANAK MUDA PAHANG

137. Anak Muda. Ini adalah golongan yang harus kita jaga dan cakna kerana mereka lah yang mencorakkan masa depan negara dan negeri kita. Dan semestinya, menjadi tanggungjawab kita untuk memberi segala bimbingan bagi memastikan mereka bersedia.
138. Kerajaan Negeri Pahang sememangnya sebuah Kerajaan Negeri yang sentiasa memberi pengiktirafan besar kepada anak muda. Baik dari sudut persatuan, perkhidmatan awam, anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, bidang sukan dan olahraga, akademik atau kepimpinan, anak muda Negeri Pahang sentiasa diiktiraf dan diberi ruang secukupnya untuk turut

bersama-sama menyumbang dalam pembangunan negeri. **Pahang, Negeri Mesra Anak Muda!**

139. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menitahkan Kerajaan Negeri agar menyesuaikan pelaksanaan dasar dan program dengan jiwa generasi belia masa kini. Oleh itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **11.9 juta ringgit** untuk pembangunan sukan yang mana **3 juta ringgit** untuk menyediakan sebuah *Blueprint* khusus anak muda Pahang. Inilah komitmen saya kepada anak muda Pahang. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak **1.3 juta ringgit** untuk Akademi Sukan termasuk program *e-sports*.
140. Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Sukan Pahang telah mewujudkan sebuah **Pelan Pembangunan Sukan Prestasi Tinggi Negeri Pahang 2021 -2030** yang merupakan pelan tindakan kepada pembangunan Sukan Prestasi Tinggi di Negeri Pahang dengan tumpuan kepada dua (2) dimensi utama iaitu:
 - i. Memacu Kecemerlangan Sukan; dan
 - ii. Pemerksaan Pengurusan Sukan.
141. Konsep pelaksanaan penubuhan Akademi Sukan dan *e-sport* Negeri Pahang akan memberikan penekanan kepada Program Kecemerlangan serta pembangunan dengan tumpuan kepada perkara berikut:-
 - i. Pencarian bakat dan pengkhususan bakat,
 - ii. Penyertaan dan kemudahan latihan,
 - iii. Kejurulatihan dan pembangunan program kejurulatihan,

- iv. Pengukuhan pertandingan; dan
 - v. Penganjuran kejohanan.
142. Selain itu, dengan adanya akademi sukan ini, remaja yang layak juga akan didedahkan bukan sahaja sebagai atlet, namun perkembangan dan peluang kerjaya pada masa akan datang seperti bidang kejurulatihan, pengurusan sukan, pengulas sukan mahupun pegawai sukan akan diterapkan seawal penyertaan di akademi.
143. Kerajaan Negeri juga bersetuju memperuntukkan **150 ribu ringgit** bagi pembinaan ***mini skatepark*** di Kuantan bagi kemudahan anak muda yang meminati sukan ***extreme***.

PEMBANGUNAN SUKAN BAGI BELIA PAHANG

144. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **8.7 juta ringgit** yang merangkumi peruntukan tambahan bagi kejohanan Sukan Malaysia, perolehan peralatan pusat pemulihan dan rehabilitasi, perolehan senjata api untuk Pasukan Menembak Negeri Pahang serta perbelanjaan mengurus dan penyelenggaraan di Majlis Sukan Pahang termasuk penyelenggaraan dan pemberian kemudahan sukan sedia ada bagi meningkatkan perkhidmatan infrastruktur dan pengurusan.
145. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak **1.05 juta ringgit** yang merangkumi perbelanjaan mengurus dan penyelenggaraan di Majlis Sukan Pahang termasuk kerja-kerja membina baru dewan serbaguna dan berbumbung serta menaiktaraf infrastruktur sedia ada. Semoga dengan peruntukan pembangunan ini dapat memberikan keselesaan kepada pihak pengurusan dan atlet-atlet dalam menjalani latihan.

146. Majlis Sukan Pahang telah merangka perancangan tempoh jangka panjang dengan memohon tanah seluas 24.3 ekar di Gambang bagi cadangan membina Kompleks Sukan Berprestasi Tinggi untuk memastikan perancangan pembangunan sukan negeri dapat mencapai sasaran. Selain itu, satu Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Politeknik Muadzam Shah telah ditandatangani untuk menjadikan Politeknik tersebut sebagai pusat latihan bagi Sukan Ragbi Wanita Negeri Pahang.

PROSPEK KERJAYA BAGI BELIA PAHANG

147. Kerajaan Negeri sedar akan isu peningkatan pengangguran di kalangan graduan dan belia di Negeri Pahang. Oleh itu, Kerajaan Negeri merangka Program Jaminan Kerjaya dalam pelbagai bidang teknikal dan keusahawanan. Seramai 1,060 usahawan daripada golongan asnaf, miskin bandar dan luar bandar, belia dan Orang Asli telah dilahirkan dari program usahawan fertigasi dan usahawan *anchor* yang mensasarkan peningkatan pendapatan sekitar **7 juta ringgit** bagi tahun 2022 untuk peserta-peserta program tersebut. Kerajaan Negeri juga mensasarkan **1 ribu** anak Pahang dibantu melalui program keusahawanan dengan peruntukan sebanyak **8.2 juta ringgit**.

148. Kerajaan Negeri berhasrat memupuk karakter, jati diri dan ciri-ciri kepimpinan dalam diri belia. Sasaran seramai **2 ribu belia** anak Pahang mengikuti program ini dengan peruntukan sebanyak **1 juta ringgit**. Kerajaan Negeri juga sedar program-program libat urus bersama belia perlu diadakan dan memperuntukkan sebanyak **4.2 juta ringgit**. Kesemua program bersasar ini akan memberi impak kepada **187,500** orang di Pahang ini.

MENINGKATKAN PENGLIBATAN GOLONGAN MUDA DALAM SEKTOR AGRO MAKANAN

149. Umum mengetahui sektor Agro Makanan memerlukan modal yang tinggi untuk memulakan projek. Kerajaan Negeri Pahang berhasrat untuk mengadakan Program Agropreneur Pahang dengan pemberian geran pemula Agro Makanan Pahang / Agropreneur Muda dengan modal pemulaan **10 ribu ringgit**. Program ini terbuka kepada golongan muda berumur 18 - 30 tahun yang terpilih untuk menyertai projek fasa pertama di Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Tanjung Putus Paya Besar **seramai 90 peserta** dengan melibatkan **90 ekar tanah**, yang mana setiap seorang peserta dapat **seluas 1 ekar tanah** dan modal permulaan. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **1 juta ringgit** bagi fasa pertama ini kerana Kerajaan Negeri menyedari betapa pentingnya keusahawanan belia dan jaminan makanan.

PROJEK KEUSAHAWANAN BELIA – *FOODLAWN*

150. Agenda pemerkasa anak muda Negeri Pahang sentiasa menjadi agenda utama Kerajaan Negeri dengan memastikan kualiti kesejahteraan kehidupan anak muda terpelihara dan sentiasa bersama dalam arus pembangunan Negeri. Justeru itu, bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri terhadap pembangunan keusahawanan anak muda, satu konsep baharu perniagaan berpusat anak muda atau *foodlawn* yang akan dijenamakan sebagai ‘Cafe Kome’ telah diperkenalkan. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **10 juta ringgit** bagi keseluruhan projek ini dan sebagai projek perintis, Kerajaan Negeri melaksanakan projek ini di Kuantan dengan peruntukan sebanyak **2.8 juta ringgit**. Upacara peletakan batu asas telah pun diadakan pada 3 Disember 2021 yang lalu.

PINJAMAN MIKRO KREDIT KEPADA BELIA

151. Kerajaan Negeri sedar belia yang mengalami impak pandemik COVID-19 memerlukan bantuan keusahawanan. Untuk itu, Kerajaan Negeri melalui kerjasama bank tempatan menyediakan pinjaman mikro kredit I-Push tanpa faedah kepada pemohon yang layak. Untuk menjayakan Program I-Push ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **20 juta ringgit** pada tahun 2022.

PEMBATALAN GSA UNTUK MEMBERIKAN PELUANG MEMILIKI TANAH BAGI GENERASI MUDA DI FELDA

152. Kerajaan Negeri sedar akan keperluan tanah bagi generasi anak-anak FELDA. Kawasan *pocket land* yang sebelum ini tidak dibenarkan untuk pembangunan telah dibatalkan dan keputusan ini membolehkan kawasan-kawasan *pocket land* ini dijadikan Rancangan Tanah Kelompok bagi tujuan kediaman dan tapak rumah bagi generasi anak-anak FELDA. Langkah ini dapat memastikan tiada anak-anak generasi FELDA yang menumpang di rumah ibu dan bapa dengan memberi peluang kepada mereka bagi pemilikan tanah dan rumah untuk generasi anak muda FELDA.
153. Kerajaan Negeri juga ingin memaklumkan, bahawa sebanyak **1 bilion ringgit** telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat bagi keseluruhan Projek Perumahan FELDA, termasuklah projek Perumahan Belia FELDA dan Projek Perumahan Generasi Baru FELDA. Peruntukan ini juga melibatkan projek bagi menyiapkan Perumahan Baharu FELDA yang terbengkalai, bernilai **200 juta ringgit** yang melibatkan 10 kawasan iaitu Keratong, Jengka 1, Jengka 6, Jengka 11, Jengka 12, Kg. Awah, Bukit Sagu, Sg. Rentang, Kota Gelanggi 2, Bukit Tajau, Chini 3, Sg. Tekam dan Sg. Koyan A & 2B.

GERAN PADANAN PERKESO

154. Berkuat kuasa 1 Januari 2022, Kerajaan Pusat melalui Belanjawan Tahun 2022 telah memperkenalkan geran padanan untuk memastikan semua golongan pekerja sendiri memiliki perlindungan keselamatan sosial. Kerajaan Negeri Pahang melaksanakan inisiatif terunggul bagi memastikan rakyatnya yang menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri mendapat perlindungan yang optimum dengan menyediakan geran khas bagi menampung baki 20 peratus kadar caruman perlindungan keselamatan sosial kategori kedua. **5 ribu** individu pekerja sendiri B40 bakal menerima manfaat perlindungan keselamatan sosial secara percuma. Untuk merealisasikan hasrat ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **233 ribu ringgit** iaitu bersamaan **20 peratus** daripada jumlah caruman sebenar.

LONJAKAN EKONOMI TERNAKAN – JAMINAN MAKANAN

155. Negeri Pahang merupakan salah satu negeri pengeluar utama makanan yang berasaskan ternakan. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang memainkan peranan yang sangat penting dalam pengeluaran makanan hasil ternakan meliputi daging, susu, dan telur. Untuk tahun 2022, jangkaan pengeluaran hasil ternakan adalah sebanyak **1.4 billion ringgit**.
156. Dalam mengimbangi pembangunan industri penternakan, Kerajaan Negeri menerusi agensi bertanggungjawab iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan terus komited dalam menjamin kesihatan ternakan dan bebas dari penyakit yang mempunyai kepentingan ekonomi dan zoonotik.
157. Justeru itu, bagi menyokong pelan pemulihan ekonomi khususnya dalam industri penternakan di Negeri Pahang, Kerajaan Negeri memperuntukkan

sebanyak **17.09 juta ringgit** pada tahun 2022 khusus dalam bentuk pelbagai program dan insentif kepada warga penternak dan industri hiliran sebagai sokongan Kerajaan Negeri kepada kumpulan sasar ini. Ia diharap menjadi suntikan semangat kepada warga penternak dan usahawan hiliran yang berkaitan untuk sama-sama bangkit memperkasakan ekonomi negara.

LONJAKAN EKONOMI PERIKANAN – JAMINAN MAKANAN

158. Negeri Pahang berada di kedudukan **No. 4 di Semenanjung Malaysia** dan di **kedudukan pertama bagi Negeri Pantai Timur** untuk pengeluaran ikan tangkapan. Bagi pengeluaran akuakultur pula, Negeri Pahang berada di kedudukan **No. 5 dalam Semenanjung Malaysia** dan **kedudukan pertama bagi Negeri Pantai Timur**. Manakala bagi pengeluaran perikanan darat pula, Negeri Pahang berada di kedudukan **No. 2 di Malaysia** dan **pertama di Pantai Timur**.

159. Bagi memastikan bekalan ikan mencukupi, beberapa usaha untuk memperkuuhkan kelestarian sumber perikanan telah pun diberikan penekanan. Antara usaha yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran perikanan laut dalam adalah seperti berikut:-
 - i. Pemodenan vesel & teknologi penangkapan ikan,
 - ii. Pengurusan Perikanan Tangkapan seperti menubuhkan *Fisheries Management Plan*,
 - iii. Pemutihan Vesel & Nelayan,
 - iv. *Exit Plan* Pukat Tunda, *Closed Season/Area* dan Pemuliharaan dan Perlindungan Sumber contohnya *Marine Protected Area*, Tukun Tiruan dan Santuari,

- v. Pemerkasaan Monitoring, *Control & Surveillance* (MCS) melalui *Vessel Monitoring System*, Bot Peronda; dan
- vi. Kolaborasi Penguatkuasaan, Pembangunan Komuniti Nelayan dengan wujudnya My Komuniti Perikanan, Penyelidikan, Pembangunan Modal Insan dan Perundangan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

STRATEGI KEEMPAT : PELAN PEMULIHAN PASCA COVID-19

- 160. Strategi Keempat dalam Belanjawan 2022 Negeri Pahang ini akan menyentuh pelan-pelan pemulihan Pasca COVID-19. Ini adalah satu aspek yang sangat penting kerana kesan daripada pandemik COVID-19 ini dihadapi oleh semua golongan masyarakat di Negeri Pahang. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah memberikan satu ikhtiar yang boleh dianggap terbaik dalam mengurus kesan pandemik COVID-19 ini. Bukan sahaja komited dengan menyalurkan pelbagai bantuan, pelbagai skim dan tawaran juga diperkenalkan untuk meringankan beban termasuk pengurangan dan pengecualian cukai tanah, melanjutkan tempoh akhir pembayaran cukai serta pelbagai lagi.
- 161. Berkat komitmen Kerajaan Negeri bersama petugas barisan hadapan dan rakyat secara keseluruhan, Alhamdulillah, Negeri Pahang adalah di antara negeri terawal dapat beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara walaupun terdapat pelbagai cabaran terutama dari segi demografi dan keluasan sempadan negeri.

KUTIPAN HASIL TANAH NEGERI PAHANG

162. Kutipan keseluruhan hasil tanah Negeri Pahang bagi tahun 2020 adalah berjumlah **505.15 juta ringgit** atau bersamaan dengan **120.91 peratus** berbanding jumlah sasaran awal tahun 2020 yang telah ditetapkan Kerajaan Negeri iaitu sebanyak **417.80 juta ringgit**.
163. Sasaran yang ditetapkan bagi kutipan hasil tanah Negeri Pahang untuk tahun 2021 pula adalah berjumlah **453.39 juta ringgit** dengan jumlah kutipan hasil tanah sehingga berakhir 30 November 2021 adalah sebanyak **492.46 juta ringgit** iaitu bersamaan dengan **108.6 peratus** daripada jumlah sasaran yang ditetapkan pada awal tahun 2021.
164. Susulan gelombang ketiga penularan wabak pandemik COVID-19 yang melanda negara, Kerajaan Negeri atas dasar prihatin telah bersetuju melanjutkan tempoh bayaran cukai tanah semasa sehingga 31 Ogos 2021. Ini bertujuan memberikan masa yang mencukupi dan sewajarnya kepada pemilik tanah berdaftar untuk menjelaskan cukai tanah semasa tahun 2021 dan seterusnya akan meningkatkan lagi kutipan cukai tanah semasa bagi tahun 2021.
165. Pada masa yang sama, jumlah kutipan tunggakan cukai tanah Negeri Pahang sehingga berakhir 30 November 2021 adalah sebanyak **90.67 juta ringgit** dan jika dibandingkan pencapaian pada tahun 2020, kutipan tunggakan cukai tanah adalah **56.79 juta ringgit**. Ini bermakna kutipan tunggakan cukai tanah Negeri Pahang pada tahun 2021 telah mencapai peningkatan sebanyak **33.88 juta ringgit**.
166. Dalam usaha untuk memperkuuhkan dan memantapkan lagi tahap kecekapan urusan pentadbiran tanah di Negeri Pahang yang mana secara

tidak langsung menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil tanah, pihak Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang (PTG) dan Pejabat Daerah Tanah (PDT) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mempercepatkan proses permohonan tanah diterima setiap tahun.

167. Penyelesaian tuntas tunggakan urusan permohonan tanah Kerajaan akan berperanan sebagai serampang dua mata dengan membantu meningkatkan lagi kutipan hasil daripada pembayaran premium dan cukai tanah serta pada masa yang sama menyelesaikan isu-isu yang melibatkan permohonan tertunggak untuk sekian lama.

REMISYEN CUKAI TANAH

168. Bagi tujuan membantu rakyat Negeri Pahang khususnya pemilik tanah berdaftar, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh bayaran cukai tanah tahun 2021 bagi semua hak milik tanah di Negeri Pahang sehingga berakhir 31 Ogos 2021. Sehubungan dengan itu, pengiraan denda lewat menjelaskan cukai tanah hanya akan dikenakan mulai 1 September 2021.
169. Pada masa yang sama, untuk memudahkan urusan pembayaran cukai tanah dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mana pemilik tanah menghadapi kesukaran untuk hadir ke PTG atau mana-mana PDT untuk membuat bayaran, pembayar cukai tanah di Negeri Pahang boleh membuat semakan cukai tanah dan membuat pembayaran secara dalam talian menerusi laman sesawang PTG.
170. Kerajaan Negeri Pahang juga telah bersetuju supaya remisyen kadar cukai tanah tahun 2021 dikekalkan sebagaimana yang diputuskan pada tahun

2020. Melalui keputusan pemberian remisyen kadar cukai tanah tahun 2021, adalah diharap dapat memberi kelegaan dan ruang mencukupi kepada pemilik tanah berdaftar untuk menjelaskan cukai tanah semasa tahun 2021 sepenuhnya walaupun dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

SAGUHATI KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN

171. Bercakap mengenai kecekapan pentadbiran kerajaan dalam menguruskan sumber negeri, Kerajaan Negeri tidak pernah melupakan jasa dan komitmen penjawat awam Negeri Pahang dalam memastikan agenda pembangunan negeri dan masyarakat dapat dicapai. Sebagai penghargaan kepada kakitangan awam, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi insentif sebanyak **1200 ringgit** kepada setiap penjawat awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri bagi semua gred. Bayaran ini akan dikreditkan kepada mereka pada minggu ke-3 bulan Januari 2022 dan melibatkan sebanyak lapan (8) ribu penjawat awam dengan peruntukan sebanyak **9.6 juta ringgit**.

PERBELANJAAN MENANGANI PANDEMIK COVID-19

172. Setakat ini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **75.03 juta** bagi tujuan perbelanjaan pengurusan dan operasi mencegah penularan COVID-19. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **31.3 juta ringgit** telah diagihkan melalui pakej Bantuan Prihatin Pahang yang telah dilaksanakan melalui empat (4) fasa khusus kepada golongan sasar yang terkesan akibat daripada pandemik ini.

173. Untuk tahun 2022, Kerajaan Negeri meneruskan peruntukan sebanyak **30 juta ringgit** bagi pakej Bantuan Prihatin Pahang (BPP 2022) dan **40 juta ringgit** bagi membantu usaha ke arah endemik COVID-19 termasuk Operasi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Operasi Pusat Kuarantine dan Rawatan COVID-19 (PKRC) dan Operasi Sekatan Jalan Raya (SJR).

AKTIVITI KEBUDAYAAN PASCA COVID-19

174. Kerajaan Negeri juga turut prihatin terhadap penggiat seni dan kebudayaan yang terkesan selepas pandemik COVID-19. Oleh itu, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan kebudayaan kepada kumpulan ini sebanyak **500 ribu ringgit** melalui Majlis Kebudayaan Negeri Pahang untuk menjalankan aktiviti kebudayaan yang tertangguh akibat pandemik COVID-19.

PELANCONGAN NEGERI PAHANG

175. Industri pelancongan merupakan sektor yang sangat berpotensi di Pahang berdasarkan kepada aset-aset pelancongan yang kita miliki. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri secara serius akan melaksanakan **Pelan Transformasi Sektor Pelancongan di Pahang bagi tahun 2022**.
176. Bagi meneruskan penyediaan infrastruktur dan prasarana pelancongan seluruh Negeri Pahang, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **8.4 juta ringgit** pada tahun 2022.
177. Kerajaan Negeri Pahang melalui Tourism Pahang telah merangka dan merancang pelbagai strategi yang memberi penekanan ke arah usaha meningkatkan keyakinan pasaran untuk melancong semula akibat

penularan wabak COVID-19 dengan kerjasama penggiat-penggiat industri di antaranya:

- i. Penyediaan tawaran penginapan kreatif dengan kadar menarik oleh sektor perhotelan dengan menawarkan konsep *Buy Now Travel Later* dalam pelbagai media dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan atau selepasnya dan meneruskan konsep Baucar Pelancongan,
- ii. Agensi Pelancongan akan menawarkan pakej-pakej inovatif bersesuaian dengan citarasa pelancong tempatan, bekerjasama dengan pengusaha *homestay* untuk rekabentuk pakej baru dan meneruskan usaha Pelan Pemulihan Sektor Pelancongan Negeri Pahang – *Travel Bubble* dan meneruskan konsep Baucar Pelancongan,
- iii. Kerajaan Negeri juga akan menggiatkan usaha Promosi Media melalui kerjasama dengan stesen TV dan Radio milik kerajaan dan swasta bagi mempromosikan produk pelancongan di kalangan rakyat Malaysia serta mempergiatkan promosi dengan syarikat-syarikat pengiklanan swasta,
- iv. Sentiasa memberi galakan kepada pengusaha-pengusaha *homestay* untuk menjual produk-produk kampung bagi meningkatkan sumber pendapatan; dan
- v. Mempromosikan keunikan imej dan kekuatan sesebuah destinasi seperti:
 - 1) Kuala Lipis – *Heritage Meets Nature*
 - 2) Kuantan – *Capital Connection*
 - 3) Bentong – *Gateway to The East Coast*
 - 4) Raub – *A Heritage of Gold Agro and Adventure* dan
 - 5) Temerloh – *Centre of Peninsular*

PRODUK PELANCONGAN *WHACK THE WAVE*

178. Usaha untuk merancakkan sektor pelancongan bukan sahaja dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri, tetapi yang paling penting, dapat menghidupkan kembali sektor yang menjadi tulang belakang ekonomi dan sara hidup rakyat Negeri Pahang.
179. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri Pahang akan menganjurkan Pertandingan Kayak bertaraf dunia yang kita namakan sebagai *Pahang Ocean Canoe International Challenge*. Pertandingan ini akan menggunakan jajaran persisiran pantai sepanjang lebih 240 kilometer, iaitu daripada Pantai Hiburan Rompin hingga ke Pantai Cherating. Ia dijadualkan berlangsung selama lima (5) hari dan melibatkan anggaran 900 peserta termasuk dari luar negara.
180. Penggunaan terkini *live streaming* bertaraf antarabangsa seperti dibuat di dalam acara lumba basikal antarabangsa di Malaysia akan digunakan sepanjang tempoh kejohanan. Siaran langsung selama 2 hingga 3 jam ini akan turut menyiarkan Tourism Pahang secara keseluruhannya. Ruang siar yang begitu panjang akan memberikan ruang kepada pihak Tourism Pahang menyiarkan aset-aset tempat pelancongan selain daripada tempat perlumbaan yang dipromosikan sepanjang acara berlangsung. Ini bermakna promosi Genting Highlands, Cameron Highlands, Taman Negara, Fraser's Hill dan kesemua tempat yang tidak terlibat secara langsung dengan acara ini akan turut dipromosikan semasa *live streaming*.
181. *Pahang Ocean Canoe International Challenge* akan menjadi mercu tanda baharu dalam sektor pelancongan Negeri Pahang khususnya dan Malaysia amnya.

BANTUAN SEKTOR PERUMAHAN KUMPULAN BERSASAR

182. Bagi mendepani kesan pandemik COVID-19 yang dialami oleh golongan B40 yang kebanyakannya merupakan penyewa di projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Kerajaan Negeri telah mempertimbangkan untuk memberikan **moratorium** pembayaran ansuran bulanan sewa-beli untuk PKAR seluruh Negeri Pahang selama **dua (2) bulan** pada tahun 2022. Jumlah sewaan bulanan bagi PKAR di Negeri Pahang adalah dianggarkan sebanyak **330 ribu ringgit** sebulan. Ini akan melibatkan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak **660 ribu ringgit**.

SEKTOR PERIKANAN BAGI KUMPULAN BERSASAR PASCA COVID 19 BANTUAN *ONE-OFF* MAKANAN IKAN TERNAKAN (*STARTER* DAN *GROWER*) BAGI TEMPOH SATU PUSINGAN TERNAKAN

183. Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan bantuan makanan ternakan ikan kepada **100 pengusaha** ternakan ikan dalam sangkar di seluruh 10 daerah yang berkaitan di Negeri Pahang yang terjejas disebabkan pandemik COVID-19. Pemberian makanan ini dijangka dapat menampung kos operasi penternak untuk sepusingan ternakan bagi satu petak sangkar dengan sasaran pengeluaran sebanyak 600 kilogram hasil ternakan. Sebanyak 10 bag makanan jenis *starter* dan 50 bag makanan jenis *grower* dapat dibekalkan kepada seorang penternak dengan nilai **5 ribu ringgit** bagi tempoh 8 bulan ternakan ikan patin. Cadangan bantuan ini melibatkan implikasi kewangan keseluruhan sebanyak **500 ribu ringgit**.

BANTUAN *IN-KIND* KEPADA NELAYAN DARAT PASCA COVID-19

184. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk meluluskan pemberian bantuan *in-kind* kepada kira-kira **380 orang** nelayan darat

seluruh Negeri Pahang yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Butiran peralatan adalah seperti jala, jaring dan peralatan keselamatan dengan nilai **1 ribu ringgit** seorang. Cadangan bantuan ini melibatkan implikasi kewangan keseluruhan sebanyak **380 ribu ringgit**.

PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN MEMBANTU SEKTOR PEMBINAAN PASCA COVID 19

185. Pada tahun ini juga, Kerajaan Negeri menerima peruntukan dari Kerajaan Pusat berjumlah **10 juta ringgit** bagi melaksanakan **Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)**. Sebanyak **180 projek** di seluruh daerah di Negeri Pahang sedang dilaksanakan. Sehingga kini kemajuan projek telah mencapai **91.64 peratus** siap. Sedikit sebanyak peruntukan yang disalurkan ini dapat membantu kontraktor-kontraktor kecil yang terjejas dengan pandemik COVID-19.

BANTUAN *RESKILLING* DAN TEKNIKAL PASCA COVID 19

186. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri melalui Pahang Skills telah diperuntukkan sebanyak **7.08 juta ringgit**. Pentingnya *reskilling* dilaksanakan bagi membantu mereka yang kehilangan pekerjaan ketika pandemik untuk menyertai dunia pekerjaan berteknologi tinggi. Pahang Skills meletakkan sasaran sebanyak lima (5) program dalam bidang baharu diperkenalkan pada tahun 2022 yang membuka sekurang-kurangnya 100 peluang kepada anak Pahang untuk mengikuti program yang berimpak tinggi. Seterusnya, Pahang Skills juga telah diluluskan peruntukan di mana sebahagian iaitu **1.88 juta ringgit** bagi tujuan 16 projek penyelenggaraan bangunan dan kampus bagi menambah baik kualiti perkhidmatan, keselamatan dan kemudahan latihan di Pahang Skills. Pahang Skills menawarkan kursus baharu dalam bidang Aeroangkasa,

Logistik Bersepadu, Pertanian Pintar, Kepintaran Buatan, *Machine Learning*, dan *Cloud Computing*, sejajar dengan keperluan pembangunan dan perindustrian di Negeri Pahang.

187. Manakala sebanyak sembilan (9) projek yang dirancang bagi tujuan mewujudkan pusat kecemerlangan latihan (*Centre of Excellence*) di Pahang Skills. Bidang-bidang yang difokuskan melalui belanjawan ini adalah *Creative Content, Drone, Renewable Energy, Internet of Things, Cyber Security & Big Data* serta *Small & Medium Enterprise*. Bidang-bidang baru ini adalah selari dengan era Revolusi Perindustrian ke-4 (IR 4.0) yang menjadi tumpuan Kerajaan Negeri bagi memperkasakan kualiti pendidikan dan menghasilkan tenaga kerja yang berdaya saing dan berteknologi. Ia secara langsung akan membantu Kerajaan Negeri meningkatkan tahap ekonomi dengan lebih cekap dan berkesan.

188. Dalam usaha pemulihan industri, khususnya Perusahaan Kecil Sederhana (PKS), pihak Pahang Skills telah terpilih oleh Malaysian Productivity Corporation (MPC) sebagai *Training Centre* bagi melaksanakan Program MYRESKILLS *Internet of Things* melalui Program PENJANA – *Malaysian Productivity Corporation* (MPC). Di bawah program ini, Pahang Skills diamanahkan untuk melatih sebanyak 250 syarikat di Negeri Pahang yang akan melibatkan seramai **1 ribu orang** peserta. Sebagai permulaan bagi tahun 2021, pihak Pahang Skills mensasarkan untuk melatih sebanyak 100 buah syarikat Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan selebihnya akan dibawa ke tahun 2022. Antara objektif program ini adalah untuk melatih syarikat mengaplikasi *Internet of Things* di dalam pengurusan / operasi syarikat iaitu daripada kaedah konvensional kepada digital dalam usaha meningkatkan produktiviti syarikat.

**PEMBANGUNAN SOSIAL DAN EKONOMI KOMUNITI RENTAN,
NAIKTARAF KAWASAN JALAN WONG AH JANG**

189. Program intervensi sosial di kawasan komuniti rentan merupakan antara agenda yang menjadi fokus kerajaan dalam memastikan pembangunan sosial di kalangan komuniti ini dapat dipertingkatkan. Masalah gejala sosial di kalangan komuniti ini yang juga merupakan mereka yang dikategorikan sebagai miskin bandar, mesti diselesaikan dengan cekap kerana ia turut melibatkan isu-isu sosial lain termasuklah isu keselamatan.
190. Di Bandaraya Kuantan, apabila kita sebut sahaja Jalan Wong Ah Jang, sudah semestinya terdapat persepsi negatif yang timbul di fikiran orang ramai. Ia dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti pelacuran, penyalahgunaan dadah dan pelbagai lagi aktiviti maksiat yang lain.
191. Satu program intervensi sosial telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri membabitkan pelbagai agensi antaranya Majlis Bandaraya Kuantan (MBK), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Negeri Pahang (MUIP), Yayasan Pahang (YP), Unit Pembangunan Wanita (UPW), Pertubuhan Dapur Infaq Ummah telah berjaya melakukan satu transformasi positif kepada golongan rentan dan gelandangan di kawasan tersebut.
192. Kebanyakan anak-anak di kawasan tersebut merupakan anak ‘tidak sah taraf’ yang sebelum ini tidak boleh membaca, menulis dan mengira telah diberi bimbingan dari segi pendidikan akademik dan pendidikan moral. Kini ramai di antara mereka sudah boleh membaca, menulis, mengira dan mengaji al-Quran.
193. Berdasarkan analisis demografi, populasi Komuniti Rentan di Lorong Wong Ah Jang dan Jalan Pasar adalah seramai 172 Ketua Isi Rumah yang terdiri daripada 92 lelaki dan 80 perempuan dengan jumlah tanggungan

sebanyak 157 orang, menjadikan jumlah Komuniti Rentan seramai 329 orang. Daripada 172 orang Ketua Isi Rumah, 19 orang daripadanya adalah ibu tunggal, 56 orang telah berkahwin dan 91 orang adalah bujang. Demografi pendapatan golongan ini adalah 122 orang tidak bekerja selebihnya pendapatan keluarga di bawah **1 ribu ringgit**.

194. Golongan ini juga telah mendapat peluang pekerjaan yang baru melalui beberapa usaha kerjasama iaitu projek fertigasi bersama pihak Yayasan Pahang seramai lima (5) orang peserta dan peluang pekerjaan melalui agensi seperti TMG, De Rhu Resort dan UIAM. Pihak MBK mengaktifkan aktiviti komersial yang memberi peluang pekerjaan kepada golongan rentan seperti aktiviti jualan *bundle* serta pasar karat (jualan barang pelbagai) dan telah beroperasi pada setiap hari Sabtu dan Ahad di mana jumlah semasa peniaga adalah seramai 162 orang peniaga. Manakala pihak Yayasan Pahang bersama NGO memfokuskan kepada program-program Jaminan Kerjaya.
195. Aktiviti pembangunan dalam proses pelaksanaan di mana pihak MBK memperuntukkan sebanyak **1.17 juta ringgit** bagi aktiviti pembangunan infrastruktur dan jalan, pencahayaan, lorong kecil, pemasangan CCTV dan mural. Pihak MUIP memperuntukkan sebanyak **144,300 ringgit** bagi aktiviti pembangunan insan Komuniti Rentan Wong Ah Jang. Pihak Yayasan Pahang memperuntukkan sebanyak **150 ribu ringgit** bagi program intervensi.
196. Melalui program ini, MBK telah menerima anugerah daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di bawah kategori ‘Penglibatan Bersama Kumpulan Rentan untuk Penjagaan dan Perlindungan Ketika Pandemik COVID-19’. Tahniah sekali lagi saya ucapkan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

STRATEGI KELIMA : PEMANTAPAN PENTADBIRAN

197. Bagi memastikan semua strategi yang dibentangkan kepada Dewan Yang Mulia pada hari ini dapat dicapai, Kerajaan Negeri telah menggariskan strategi terakhir iaitu pemantapan pentadbiran kerajaan.
198. Bukanlah sesuatu yang mudah untuk kita pastikan bahawa segala yang dibentang dapat ditunaikan bagi memuaskan hati semua pihak, tetapi dengan kecekapan pentadbiran yang cekap, efisien dan berkualiti, segala perancangan akan dapat kita tunaikan. Justeru, sudah semestinya sebahagian daripada peruntukan ini, akan disalurkan kepada agensi-agensi bagi memastikan tahap kecekapan pentadbiran mereka menjadi lebih mantap.

PERKHIDMATAN ATAS TALIAN (PAHANG-GO)

199. Pada masa yang sama, untuk memudahkan urusan pembayaran cukai tanah dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mana pemilik tanah menghadapi kesukaran untuk hadir ke PTG atau mana-mana PDT untuk membuat bayaran, pembayar cukai tanah di Negeri Pahang boleh membuat semakan cukai tanah dan membuat pembayaran secara dalam talian menerusi laman sesawang PTG.
200. Inisiatif dan Program Digital Kerajaan Negeri melalui Pahang Go mengandungi tiga (3) teras utama iaitu Infrastruktur Digital, Kerajaan Digital dan Inklusif Digital. Pelbagai program yang khusus bagi melancarkan dan menambahbaik sistem penyampaian kerajaan dilaksanakan pada tahun 2022 dengan kos sebanyak **16.33 juta ringgit**.

e-TANAH

201. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang dalam proses melaksanakan e-Tanah dan kos keseluruhan bagi projek ini adalah **128 juta ringgit** secara Inisiatif Pembiayaan Swasta bersama syarikat yang dipilih. Negeri Pahang menjadi negeri yang ke-4 melaksanakan e-Tanah pada tahun 2022 dan pendigitalan pengurusan tanah untuk mengekang ketirisan hasil dan meningkatkan sistem penyampaian kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

PUSAT PENTADBIRAN SULTAN AHMAD SHAH (PPSAS)

202. Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS) yang sedang dibina di KotaSAS dalam peringkat akhir penyiapan dan proses perpindahan dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat bermula bulan Mac 2022.
203. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan **750 ribu ringgit** bagi tujuan kelancaran proses perpindahan aset (perabot dan ICT) dari Wisma Sri Pahang ke PPSAS. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan **250 ribu ringgit** bagi tujuan proses perolehan aset dan inventori yang tidak termasuk dalam kos projek. Jumlah keseluruhan peruntukan bagi tahun 2022 adalah sebanyak **1 juta ringgit**.

JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JKKKB) (KAMPUNG BARU)

204. Kampung Baru merupakan penempatan manusia yang diwujudkan semasa zaman darurat (1948-1960) untuk membanteras ancaman komunis. Di Negeri Pahang, terdapat 62 kampung baru. Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (Kampung Baru) (JKKKB) dibuat melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang (MMK) melibatkan lantikan seramai 13 orang. Peruntukan bagi bayaran elaun kepada Pengerusi, Setiausaha dan pengurusan mesyuarat adalah menggunakan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang dikreditkan secara terus ke akaun JKKKB. Kerajaan Negeri pada masa yang sama menyediakan elaun mesyuarat kepada Pengerusi, Setiausaha serta elaun pengendalian mesyuarat berjumlah **111,600 ringgit**. JKKKB memainkan peranan utama dalam menghubungkan masyarakat di Kampung Baru dengan agensi / jabatan Kerajaan Negeri. Hal ini bertujuan bagi memudahkan penyelarasan sesuatu dasar / agenda pembangunan Negeri di semua peringkat masyarakat. Selain itu, JKKKB juga dipertanggungjawabkan untuk membantu Kerajaan Negeri menangani masalah kemiskinan, pendidikan, kesihatan dan isu-isu berbangkit di kalangan masyarakat Kampung Baru. Struktur dan kegiatan JKKKB sentiasa diperkemaskan selaras dengan fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemakmuran Kampung (JKKK) di Negeri ini.

PENAMBAHAN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK) DAN ELAUN JPKK

205. Kerajaan Negeri telah melaksanakan kajian persempadanan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) yang bertujuan untuk menilai kewajaran bagi pertambahan, percantuman dan pengurangan JPKK di Negeri Pahang. Susulan itu, sebanyak 66 JPKK Negeri Pahang

adalah dicadangkan untuk penubuhan baharu dan tiga (3) JPKK digabungkan daripada 543 JPKK sedia ada menjadikan keseluruhan 606 JPKK. Inisiatif ini dibuat untuk memastikan tiada rakyat yang tercicir dan terlepas pandang dalam memberi perkhidmatan yang efisien serta bantuan kepada rakyat yang memerlukan.

206. Jika sebelum ini elaun yang diterima JPKK adalah **500 ringgit**, Kerajaan Negeri memberikan tambahan **250 ringgit** menjadikannya **750 ringgit**. Ini merupakan tambahan peruntukan daripada peruntukan tahun 2021 sebanyak **7.66 juta ringgit**. Kenaikan elaun JPKK Negeri Pahang ini memberikan implikasi tambahan berjumlah **1.69 juta ringgit**.

PENUTUP

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

207. Belanjawan Tahun 2022 Kerajaan Negeri Pahang yang dibentangkan hari ini dengan peruntukan **1.031 bilion ringgit**. Ini menunjukkan peningkatan Belanjawan Negeri meningkat dari tahun ke tahun.
208. Semua ini tidak dapat dicapai tanpa adanya kestabilan politik di mana kesinambungan kepimpinan yang terdahulu yang telah meletakkan asas pentadbiran yang kukuh menjadi pendorong kepada saya untuk melakukan apa yang terbaik untuk negeri yang disayangi dan rakyat yang sentiasa di hati.
209. Selama 42 bulan dua minggu dengan takdir Allah Subhanahu Wata'ala, saya diberi kepercayaan menerajui Kerajaan Negeri Pahang, bersama rakan-rakan Exco Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan Negeri, pegawai tertinggi Kerajaan Negeri, pegawai

kanan negeri dan pegawai-pegawai daerah serta anak-anak syarikat Negeri Pahang yang sentiasa cuba melakukan penambahbaikan untuk kemajuan negeri bagi manfaat rakyat dari semasa ke semasa. Berkata sama sekata, berdiri sama sebaris dan bergerak sama sederap dalam satu pasukan.

210. Belanjawan ini menepis dakwaan pihak tertentu yang meramalkan Pahang akan menghadapi krisis kewangan selepas PRU 14 kerana ketika itu tidak sealiran dengan Kerajaan Pusat. Namun, dengan izin Allah, Alhamdulillah kita telah menunjukkan bahawa Pahang mampu berdikari. Inilah Pahang! *This Is Pahang!*

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

211. Belanjawan Tahun 2022 ini bersifat inklusif bukan hanya libat urus di kalangan pembuat dasar malahan mengambil kira pandangan rakyat dari segenap lapisan masyarakat dan kelompok termasuklah pandangan yang dilontarkan di portal e-belanjawan Negeri Pahang dan media sosial untuk dipertimbangkan menjadi intipati Belanjawan Tahun 2022 Negeri Pahang.
212. Kata orang tua-tua, yang dimakan rasa, yang dilihat rupa dan yang didengar bunyi. Maksudnya tiap-tiap satu pekerjaan itu hendaklah sempurna baik pada rupa, pendengaran dan perasaan. Begitulah juga harapan saya terhadap Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2022 ini akan dapat menyentuh jiwa setiap dari kita.
213. Pada Sidang DUN kali ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah sama-sama berjuang memerangi pandemik COVID-19 yang melanda seperti PDRM, Tentera, Petugas Kesihatan, Pegawai-Pegawai Daerah, Pegawai Kerajaan Persekutuan dan

Negeri, MTSP dan Sukarelawan NGO serta ramai lagi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu.

214. Kemuncak kepada segalanya ialah persembahan ucapan setinggi-tinggi junjung kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang yang juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Ampun Tuanku.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

215. Kepada Allah kita berserah, kepada Allah kita memohon agar Negeri Pahang ini sentiasa dalam RahmatNya, aman makmur demi manfaat bersama.

Terbang tinggi si rama-rama,
Hinggap sekejap di dahan tunggal,
Belanjawan Pahang dicorak bersama,
Semua golongan tidak tertinggal.

Hinggap sekejap di dahan tunggal,
Dahan tunggal diikat tali,
Semua golongan tidak tertinggal,
Inilah tanda **Kerajaan Pahang** peduli.

Dahan tunggal diikat tali,
Dikerat untuk jadikan sakti,
Inilah tanda kerajaan peduli,
Tiada janji, lihatlah bukti.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

216. Saya dengan ini membentangkan Belanjawan 2022 dan saya mohon mendapat sokongan semua, Insya-Allah.
217. Saya mohon mencadangkan.

**WABILLAHİ TAUFİK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHİ WABARAKATUH**



**PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

**TINGKAT 6 WISMA SRI PAHANG,
25503 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

**No.tel : 09 512 6800 No. Faks : 09 513 4839
<http://pkn.pahang.gov.my>**